



# Selangor Kini

Penggerak Kemajuan Saksama

**PERCUMA** 23 - 30 Mac 2012, 30 Rabiulakhir - 7 Jamadilawal 1433

Kedai besi buruk  
ganggu penduduk  
Kampung Sg Machang  
**muka 12**

Susulan kes MB,  
pengundi tidak  
percaya SPR  
**muka 4**



Pakatan Rakyat  
dalam Pentadbiran  
Negeri Selangor

8 muka  
EDISI  
KHAS



Gambar oleh Rahimie Ariffin

**HORMAT...** DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah berkenan memeriksa perbarisan kehormat daripada Tentera Laut Diraja Malaysia semasa Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Ke-5 Sidang Dewan Negeri Selangor Kali ke-12 di Dewan Annex, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di Shah Alam

**Pengurusan cekap dapat perhatian Sultan Selangor**

**SHAH ALAM** - DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah memberi penghargaan kepada Pentadbiran Pakatan Rakyat (PR) Selangor yang menunjukkan pengurusan wang yang baik di samping memastikan hasil negeri disalurkan kepada rakyat.

Dalam titah ucapannya sempena pembukaan mesyuarat pertama Dewan Negeri Selangor bagi tahun 2012, Sultan Selangor juga memuji usaha kerajaan pimpinan Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim dalam memelihara alam sekitar dan memupuk budaya kebersihan di semua daerah.

Selain itu, baginda bertitah supaya pentadbiran Selangor menjadi sebuah kerajaan pintar atau 'smart government' yang mampu memenuhi amanah rakyat dan menghadapi cabaran mendatang.

"Demi kebijakan negeri dan rakyat, kerajaan Selangor perlu mengutip hasil yang secukupnya dan menyimpan rizab yang sewajarnya untuk kegunaan semasa kecemasan."

"Beta difahamkan pentadbiran negeri dapat meningkatkan simpanan rizab negeri kepada RM1.9 bilion pada 2011," titah baginda.

Pertambahan pendapatan dari hasil pasir yang mendadak sejak mengambil alih tumpuk pemerintahan turut mendapat perhatian baginda Sultan.

"Peningkatan hasil mendadak mulai tahun 2008 sebanyak RM6.3 juta, tahun 2009 RM5.4 juta, tahun 2010, RM10.3 juta, dan tahun 2011 sebanyak RM16 juta," titah baginda lagi.

Bagi memperhebatkan pemeliharaan dan memulihara alam sekitar, baginda mengesyorkan supaya kerajaan negeri membanteras pencerobohan dan memastikan agar pembangunan tidak berlaku di hutan simpan.

**lihat muka 2**

## Pangsapuri kos rendah akan nikmati air percuma

Oleh MOHD EZLI MASHUT

**SHAH ALAM** - Kini, penduduk pangaspuri kos rendah di seluruh negeri yang menggunakan meter pukal, boleh mendapatkan 20 meter padu air percuma.

Mulai April depan, penghuni hanya perlu melaporkan kepada Pesuruhjaya Bangunan (COB) di kediaman masing-masing berhubung jumlah kediaman bagi mendapatkan faedah itu.

Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan, Iskandar Samad berkata, kerajaan negeri kemudian akan menyampaikan maklumat kepada Syarikat Bekalan Air Selangor (Syabas) bagi membolehkan pemotongan pada bil meter pukal.

"Oleh itu, jawatankuasa pengurusan (MC), badan pengurusan bersama (JMB), agen pengurusan, pemaju dan persatuan penduduk diminta berjumpa dengan COB

mereka untuk mendapatkan air percuma tersebut.

"Potongan yang diberikan oleh Syabas adalah bersamaan nilai air untuk 20 meter padu, kali jumlah kediaman yang berpenghuni," kata Iskandar dalam kenyataan medianya.

Dengan inisiatif ini, semua penghuni flat yang menggunakan meter pukal, bakal mendapat 20 meter padu air percuma yang dibekalkan kepada penduduk yang mempunyai meter individu.

"Mereka kemudian mesti memberi potongan pada bil-bil meter individu penduduk. Bukti potongan ini mestilah ditunjukkan kepada COB."

"COB juga akan melakukan pemeriksaan mengejut untuk memastikan bilangan kediaman yang berpenghuni adalah seperti yang dilaporkan," kata beliau.

Menurut Iskandar lagi, program 'Lapor

Dan Dapat' ini akan melipatgandakan bilangan penduduk rumah kos rendah yang mendapat 20 meter padu air percuma.

"Kaedah pemotongan pada bil meter pukal memang sedang dilaksanakan sekarang tetapi program 'Lapor dan Dapat' akan meringkaskan lagi prosedur permohonan."

Tambah Iskandar, penduduk pangaspuri rumah kos rendah perlu mendedak MC, JMB, agen pengurusan, pemaju dan persatuan penduduk agar menghubungi COB.

"Sistem kupon turut dilaksanakan sebelum ini di dalam usaha untuk memberi air percuma kepada penduduk rumah kos rendah tetapi ia juga amat rumit."

"Pemotongan pada bil meter pukal dan sistem kupon dilaksanakan kerana migrasi dari meter pukal ke meter individu oleh Syabas tidak dapat dilakukan secepat yang diharat," ujar Iskandar.

Perhebat WiFi percuma di luar bandar



**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri terus memperhebatkan Projek Penyediaan Perkhidmatan WiFi Percuma ke kawasan luar bandar sebagai lanjutan untuk memberi perkhidmatan tersebut di 4,000 lokasi seluruh Selangor.

Sekurang-kurangnya 18 lokasi luar bandar dikenal pasti bagi menyalurkan kemudahan ini. Antaranya Sekinchan, Besi Jaya, Kajang, Meru, Sabak Bernam, Sungai Burong dan Permatang.

Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains dan Teknologi, Rodziah Ismail (**gambar**) berkata, kesemua lokasi luar bandar yang terpilih bagi lanjutan projek ini adalah berdasarkan kepada kriteria utamanya sebagai tempat tumpuan umum.

"Kesemua Projek WiFi ini dijangka akan siap sepenuhnya pada tahun 2015."

"Kerajaan negeri menganggarkan kos pemasangan WiFi adalah sebanyak RM10,000 hingga RM18,000 bagi satu lokasi kawasan

"Perkhidmatan WiFi dengan kapasiti talian utama (backhaul) sebanyak 4Mbps," jelas Rodziah bagi menjawab soalan Adun Subang Jaya, Hannah Yeoh.

Sebelum ini, sebagai permulaan, Projek Penyediaan Perkhidmatan WiFi Percuma dimulakan pada April 2010 di sekitar Hulu Selangor dan Shah Alam.

#### Dari muka depan

## Bangga MB sanggup pikul amanah

"Kegigihan kerajaan negeri dalam kerja pemuliharaan Hutan Simpan Raja Musa, pemuliharaan habitat kelip-kelip di Tanjung Beluntas Kuala Selangor dan menjadikan Taman Tasik Shah Alam sebagai zon bersih adalah antara usaha-usaha yang wajar

# Hasil pasir Pakatan RM19.9 juta lebih dari BN



**Sidang Dewan Negeri menjadi arena perbincangan kritis terhadap kerajaan dan pelaksanaan dasar-dasar kerajaan**

Oleh NAEEM RAFFI

**SHAH ALAM** - Pendapatan Kerajaan Selangor menerusi hasil pasir era pemerintahan Pakatan

Rakyat (PR) adalah jauh lebih baik berbanding semasa ia diurus tadbir Umno-BN walaupun jumlah pengeluaran hasil bumi itu jauh lebih kecil.



**MENCUIT HATI...** apa agaknya yang dibualkan Azmin Ali hingga menyebabkan Amirudin dan Dr Rani ketawa

menerima pujian daripada semua pihak," titah Tuanku.

Akhir sekali, baginda menzhirkan kepercayaan kepada Abdul Khalid untuk menerajui pembangunan Islam di Selangor.

"Beta berkenan apabila Dato' Menteri Besar sendiri sang-

gup memikul amanah sebagai Pengurus Jawatankuasa Tetap Agama Islam dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Beta percaya Dato' Menteri Besar mampu bersama-sama memartabatkan lagi agama Islam dan umat Islam di negeri ini," titah baginda.

**Peningkatan pendapatan yang memecahkan rekod selama ini adalah natijah daripada pentadbiran telus yang baik, tentunya tanpa rasuah, tanpa kroni dan tanpa kolusi yang mana sebelum ini dirompak pimpinan terdahulu kini kembali ke tangan rakyat**

**- SHUHAIMI SHAFIEI**  
ADUN Seri Muda

nya tanpa rasuah, tanpa kroni dan tanpa kolusi yang mana sebelum ini dirompak pimpinan terdahulu kini kembali ke tangan rakyat," jelas Shuhaimi dalam sidang Dewan Negeri Selangor (DNS).

Perkara ini dijelaskan Adun Seri Muda, Shuhaimi Shafie, sekali gus membuktikan tata kelola dan sistem yang diguna pakai kepimpinan PR hari ini berfungsi dengan baik.

"Pendapatan royalti 3 tahun dari tahun 2005-2007 zaman Umno-BN hanyalah sekitar RM12.51 juta berbanding zaman Pakatan untuk tempoh 3 tahun yang sama bermula tahun 2009-2011 berjumlah RM32.5 juta.

"Peningkatan pendapatan yang memecahkan rekod selama ini adalah natijah daripada pentadbiran telus yang baik, tentu-

"Pengeluaran sejak 15 September 2008 - Desember 2011 merekodkan jumlah kuantiti jualan sebanyak 15.909,396 metrik tan dan pendapatan sebelum cukai sebanyak RM181.567,481 ringgit.

"Ia satu jumlah yang amat besar. Amat pelik, kenapa bukti ini enggan diterima oleh kepimpinan Umno-BN Selangor? Bahkan semakin suka memfitnah dan menjadi seperti 'ayam jantan yang berkokok kuat, tapi ekor bergelumang dengan naja'?" katanya.

Justeru, Shuhaimi yang juga ahli pengarah KSSB, menyarankan agar kerajaan negeri memberi peluang kepada wakil BN untuk belajar di KSSB bagi memahami prinsip perakaunan dan kira-kira kunci kewangan.

**Pendapatan royalti 3 tahun dari tahun 2005-2007 zaman Umno-BN hanyalah sekitar RM12.51 juta berbanding zaman Pakatan untuk tempoh 3 tahun yang sama bermula tahun 2009-2011 berjumlah RM32.5 juta**

# Tempoh daftar kilang haram dilanjut

Oleh NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri Selangor melanjutkan tempoh pelaksanaan Program Pemutihan Kilang Haram sehingga 31 Disember depan.

Exco Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram, Ean Yong Hian Wah berkata, tempoh itu dilanjutkan berikutan kejayaan kerajaan negeri menangani masalah kilang haram.

Tambah Ean Yong, sehingga Mei tahun lalu, sebanyak 1,021 lot tanah, iaitu 45.48 peratus daripada jumlah 2,250 lot tanah pertanian telah mengemukakan permohonan tukar syarat tanah kepada kerajaan negeri.

"Pecahan permohonan tukar syarat tanah mengikut daerah pula, Petaling sebanyak 47.61

peratus, Klang 58.99 peratus, Gombak 70.45 peratus, Hulu Langat 29.34 peratus, Kuala Langat 41.15 peratus, Sepang sebanyak 38.64 peratus, Hulu Selangor 47.06 peratus dan Kuala Selangor sebanyak 50 peratus," katanya.

Beliau menjawab soalan Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz.

Sehingga kini sebanyak 857 permohonan diluluskan dan jumlah premium tambahan yang berjaya dikutip oleh kerajaan negeri adalah sebanyak RM112,261,194.34.

"Bagi kilang haram yang tidak mengambil bahagian dalam program pemutihan itu, mereka boleh diambil tindakan di bawah Kanun Tanah Negara dan juga undang-undang kecil Pihib Berkuala Tempatan (PBT) masing-masing," katanya lagi.

## Jana pembangunan komersil di Hulu Selangor

**SHAH ALAM** - Beberapa kawasan sekitar Hulu Selangor seperti Serendah dan Kuala Kubu Baru mengalami pembangunan komersil yang membangangkan hasil daripada pelan kerajaan Selangor untuk membangunkan 'Automotive Belt' di daerah itu.

Pelan 'Automotive Belt' ini menyebabkan wujudnya transformasi pembangunan tanah, dari tanah pertanian ke perbandaran.

Ini melahirkan pusat pertumbuhan baru seperti Bandar Baru Bukit Beruntung, Bukit Sentosa, Lembah Beringin dan Sungai Buaya.

Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan, Teresa Kok (**gambar**) berkata, kerajaan negeri sentiasa mempertingkatkan infrastruktur kawasan-kawasan perindustrian yang berpotensi bagi menggalakkan pertumbuhan sektor tersebut, sekali gus menarik minat pelabur.

"Sebagai rekod, pada tahun 2011, sebanyak RM2.02 bilion diperuntukkan untuk pembangunan sektor perindustrian ini.

"Peruntukan ini ditambah lagi (RM 4.95 juta) untuk membesarkan kilang-kilang dan kursus-kursus kepada



longan belia, penuntut di kolej dan universiti dalam bidang automotif, mekanikal dan kejuruteraan sebagai usaha menjana modal insan dalam sektor ini," jelas Teresa bagi menjawab soalan Adun Bukit Antarabangsa, Azmin Ali.

Selain merupakan pelengkap kepada Proton City di Tanjung Malim, lokasi ini menjadi tumpuan syarikat-syarikat pembuatan barang peralatan kendaraan yang merupakan vendor kepada Perodua, Nissan dan Proton.

Bagi mengalakkkan lagi perkembangan dan pertumbuhan pesat sektor ini, Teresa berkata, kerajaan negeri melalui SSIC Berhad sedang giat mempromosikan kawasan-kawasan



Ean Yong turun padang untuk meninjau tapak kilang haram di kawasan Hulu Selangor



Beroperasi di premis bangunan kediaman atau bangunan perniagaan

## 'Selangor Shines' berjaya tarik lebih pelancong

**SHAH ALAM** - Jumlah pelancong yang datang ke Selangor meningkat kepada 6.04 juta orang pada tahun 2011 berbanding 5.83 juta orang pada tahun 2010, selepas kerajaan negeri melancarkan Tahun Melawat Selangor yang bertemakan, 'Selangor Shines'.

Menjawab soalan Adun Sungai Pelek, Yap Ee Wah, Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong berkata, peningkatan itu merupakan satu rekod baru bagi kerajaan negeri berbanding kerajaan sebelum ini.

Katanya, pada suku tahun 2012, jumlah kedatangan pelancong pulalah seramai 1.87 juta orang.

"Sepuluh kawasan khas yang menjadi tumpuan pelancongan antaranya Masjid Negeri, I-City, Sunway Lagoon dan Hutan Lipur Congkak," katanya.

Tambahnya, pada tahun ini kerajaan negeri turut memberi peruntukan khas melalui Majlis Daerah Sabak Bernam (MDSB) kepada Sabak Bernam,



Elizabeth Wong

khususnya DUN Sekinchan.

"Dalam mesyuarat Exco Pelancongan baru-baru ini, kita mengesyorkan untuk menaiktaraf empat daerah yang menjadi tumpuan pelancongan, antaranya Sekinchan dan Hulu Langat bagi kerja membaiki kawasan dan kemudahan."

"Kita juga akan mengindahkan kawasan Sekinchan sempena Bulan Melawat Sekinchan akan datang," katanya ketika menjawab soalan Adun Sekinchan, Ng Suee Lim.

**Ralat:** Tema bagi Sambutan Hari Wanita Sedunia Peringkat Negeri Selangor 2012 ialah

'Menghubungjalin Wanita, Mensinergi Tindakan, Membina Negara' yang berlangsung di Ruang Legar Bangunan SUK. Bukan seperti yang tersiar di keluaran sebelumnya

-TERESA KOK  
Exco Pelaburan,  
Perindustrian dan  
Perdagangan

# Susulan kes MB Selangor, pengundi tidak percaya SPR

**SHAH ALAM** - Menukar kawasan mengundi tanpa pengetahuan pengundi, menunjukkan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) masih tidak telus dan gagal menunaikan janji untuk adil dan telus dalam pilihan raya.

Rata-rata pengundi kesal dengan tidaknya SPR yang sewenang-wenangnya menukar kawasan mengundi Menteri Besar, Tan Sri Khalid Ibrahim seperti yang dilaporkan.

Tinjauan Selangor Kini mendapati kebanyakan pengundi tidak akan mengundi sekiranya terdapat penyelewengan yang dilakukan SPR.

Mereka mendakwa undian mereka tidak akan bermakna kerana dengan sewenang-wenangnya SPR boleh menggu-

nakan kuasa menukar undian mereka sesuka hati, menukar kawasan undian mereka atau seorang pengundi boleh mengundi dua kali.

Kakitangan swasta, Yusri Hashim, 40, berkata, perkara sedemikian pernah berlaku terhadap rakannya. SPR secara tiba-tiba menukar kawasan mengundi rakannya dari Subang Jaya ke negeri Perak.

"Ini menunjukkan tindakan SPR itu tidak bertanggung-jawab dan tidak relevan terhadap rakyat," katanya ketika ditemui.

Beliau berkata, SPR sepatutnya memantau dan mengemas daftar pengundi.

"SPR tidak seharusnya bersikap sambil lewa. Ini melibatkan rakyat untuk memilih sia-

**Saya tidak percaya kepada SPR. Perkara sebegini memang banyak berlaku menjelang pilihan raya. Kenapa saya perlu mengundi untuk Adun yang saya sendiri tidak kenal? Itu bukan kawasan untuk saya membuang undi**

- ZABIDI ZAINUDDIN

pa Adun atau Ahli Parlimen di kawasan mereka," katanya.

Pengundi lain, Zabidi Zainuddin, 53, berkata, beliau tidak akan mengundi sekiranya kawasan tersebut bukan kawasan yang sepatutnya.

"Saya tidak percaya kepada SPR. Perkara sebegini memang banyak berlaku menjelang pilihan raya. Kenapa saya perlu mengundi untuk Adun yang saya sendiri tidak kenal? Itu bukan kawasan untuk saya membuang undi.



**Yusri Hashim**



**Zabidi Zainuddin**

da SPR. Perkara sebegini memang banyak berlaku menjelang pilihan raya. Kenapa saya perlu mengundi untuk Adun yang saya sendiri tidak kenal? Itu bukan kawasan untuk saya membuang undi.

"Tidak kisah jika mana-ma-

na parti politik, tetapi biarlah bukan berlandaskan penipuan.

"Setakat ini saya sudah menyemak kawasan mengundi, ia betul, tetapi saya akan menyemak semula agar tidak berlaku perkara itu kepada saya," katanya.

## Menteri Besar panggil SPR minta penjelasan



**Bersih 2.0 dilancarkan menuntut perubahan dalam perjalanan sistem pilihan raya yang lebih adil dan bersih**

bawa perkara ini kepada SPR," Abdul Khalid berkata apabila ditemui di luar Dewan Negeri Selangor (DNS).

Pertukaran itu menimbulkan persoalan, adakah beliau layak bertanding kerusi di dalam Dewan Negeri Selangor dalam pilihan raya.

"Saya sudah meminta Setiausaha Kerajaan Negeri memanggil pengarah SPR untuk hadir ke mesyuarat Exco bagi menerangkan bagaimana ini boleh terjadi.

"Saya tetap akan mem-

Berkenaan dengan status saya untuk menjadi calon di Selangor, ia tidak ada masalah.

"Kad pengenalan saya masih merekodkan alamat saya di Pasir Tun-tong, Kuala Selangor. Jadi tidak ada masalah saya nak bertanding di Selangor," katanya.

## Dr Rani: Tindakan tidak beretika

**SHAH ALAM** - Tindakan Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menukar kawasan mengundi tanpa pengetahuan pengundi berkenaan merupakan satu tindakan yang jijik dan kotor, yang bertentangan dengan nilai, etika dan prinsip demokrasi.

Demikian ujar Pesuruhjaya PAS Selangor, Dr Abdul Rani Osman ketika dihubungi untuk mengulas isu terkini tindakan SPR menukar alamat kawasan mengundi Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim ke Lembah Pantai di bawah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur.

"Inilah salah satu yang kita perjuangkan dalam Kempen Bersih. Seharusnya juga SPR ini berada di bawah Parlimen supaya kita boleh pantau apa saja tindakannya.

"Tetapi sayangnya di Malaysia, SPR berada di bawah Jabatan Perdana Menteri yang mana memaksa mereka untuk akur akan kehendak pimpinan-pimpinan Barisan Nasional," ulas Dr. Rani yang merupakan Adun Meru.

Selain itu, Dr Rani turut menyatakan isu terbaru yang melibatkan

Abdul Khalid ini juga membuktikan segala kata-kata pimpinan Pakatan Rakyat (PR) sebelum ini terhadap kredibiliti SPR ada benarnya.

"Kita khuatir perkara yang sama akan berulang kembali seperti yang berlaku di Kelantan dan Terengganu suatu masa dahulu, yang jatuh dengan kehadiran lebih 70,000 pengundi luar," ujarnya.

Manakala Setiausaha Publisiti DAP Selangor, Jenice Lee berkata, jika seorang Menteri Besar sewenang-wenangnya diperlakukan begini dengan alamat yang tidak pernah wujud dalam hidupnya, maka tiada pengundi yang haknya terjamin.

"Jadi tidak, mustahil perkara yang sama juga berlaku terhadap rakyat kebanyakannya," ujar Jenice ketika dihubungi.

"Sekarang yang kita nampak dan dengar adalah salah satu kesahaja yang terjadi kepada Menteri Besar. Tetapi kita tidak tahu di luar sana, ada berapa banyak lagi kes sebegini yang pastinya mencabuli hak pengundi," jelas Jenice yang juga Adun Teratai.

# Penswastaan air di Malaysia bebankan rakyat

MARSEILLE, PERANCIS - Dasar penswastaan air di Malaysia gagal kerana disalah guna untuk manfaatkan golongan 'rentier' menggunakan kos yang ditanggung pengguna, beritahu Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim semasa Forum Air Sedunia kali Ke-6 di sini.

Bercakap pada sesi Pihak Berkuasa Tempatan (PBT), Abdul Khalid berkata, walaupun terdapat kes kejayaan penswastaan air di peringkat antarabangsa, namun keadaan sedemikian tidak berlaku di Malaysia.

"Ini adalah contoh klasik kegagalan percubaan menswastakan kemudahan awam yang diburukkan dengan dua faktor, iaitu pertembungan antara politik dan perniagaan di mana keuntungan kepada individu diutamakan di samping konflik kepentingan politik," kata Abdul Khalid.

Beliau menegaskan, teori penswastaan tidak salah kerana antara lain bertujuan mengurangkan beban kerajaan dan meningkatkan kecekapan, sekali gus menambahkan daya saing.

"Namun di Selangor, syarikat konsesi swasta yang dipilih untuk merawat dan menyalurkan air kepada pengguna tidak mahir dan tidak berpengalaman dalam industri perkhidmatan air. Tanpa suntikan kewangan, syarikat-syarikat ini mula berkompromi dengan kualiti air dan penyampaian perkhidmatan air, memaksa tarif air yang tinggi kepada pengguna."

**Tanpa suntikan kewangan, syarikat-syarikat ini mula berkompromi dengan kualiti air dan penyampaian perkhidmatan air, memaksa tarif air yang tinggi kepada pengguna**

**-ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

yang tinggi kepada pengguna," katanya yang menambah, kelebihan syarat perjanjian konsesi juga antara punca kegagalan penswastaan air.

Saran beliau, perjanjian ini sepatutnya memasukkan fasal secara spesifik dan terperinci mengenai denda kepada konsesi yang gagal mematuhi syarat. Dalam kes kita (Malaysia), penjanjian konsesi sangat lemah. Apabila syarikat konsesi berdepan masalah kewangan, Kerajaan Pusat akan menanggung hutang-hutang ini.

Bagi beliau, perjanjian antara negeri dan syarikat swasta sepatutnya mengandungi klausa yang melindungi kedua-dua pihak, selain butiran terperinci bahawa perbelanjaan modal oleh kerajaan dengan peraturan jelas serta telus berhubung pem-



**Menteri Besar berbincang bersama Datuk Dr Muhammad Afifi al-Akiti selepas majlis makan tengah hari bersama kumpulan sarjana di Pusat Pengajian Islam Oxford**

berian kontrak untuk projek-projek utama. Pada masa kini penswastaan perkhidmatan air di Malaysia banyak silapnya.

Sebagai penyelesaian jelasnya, kerajaan negeri berusaha merawat air secara holistik dengan merujuk kepada Akta Industri Perkhidmatan Air 2006 yang digubal untuk menggabungkan industri air, di mana pembubaran penswastaan merupakan satu kemungkinan.

"Walaupun akta ini diluluskan di peringkat Persekutuan, Kerajaan Pusat yang dikuasai BN keberatan melaksanakannya,

**Walaupun akta ini diluluskan di peringkat Persekutuan, Kerajaan Pusat yang dikuasai BN keberatan melaksanakannya, ekoran kemenangan Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya Mac 2008**

nya, ekoran kemenangan Pakatan Rakyat (PR) dalam pilihan raya Mac 2008.

"Apabila tiba masa kerajaan negeri membeli saham syarikat konsesi (seperti yang ditetapkan dalam akta), Kerajaan Pusat bertindak balas dengan menunjukkan sikap bermusuhan," katanya.

Sehingga kini kerajaan negeri telah membuat tawaran rasmi melalui tiga kali rundingan, tetapi syarikat konsesi menuntut pampasan tinggi bagi penjualan saham serta ekuti dan keadaan ini tiada perubahan sehingga kini.

## Selangor guna kepakaran antarabangsa

MARSEILLE, PERANCIS - Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid (**gambar**) Ibrahim mengadakan perjumpaan dengan dua operator air antarabangsa, Suez Environment yang berpangkalan di Perancis dan Wessex Water dari United Kingdom untuk mendapatkan pandangan pengurusan air yang cekap sebagai persediaan kerajaan negeri mengambil-alih industri air.

"Pertikaian rundingan untuk kerajaan negeri mengambil alih industri perkhidmatan air daripada syarikat konsesi seperti yang ditetapkan Akta Industri



Perkhidmatan Air 2006, tidak sepatutnya menghalang kerajaan negeri daripada membuat persediaan. Kami amat gembira apabila pakar-pakar ini sanggup berkongsi pengetahuan teknologi mereka," kata Abdul Khalid.

Beliau bagaimanapun menekankan bahawa sebarang kerjasama dua pihak perlu melalui proses telus dan bertanggungjawab bagi memastikan ia berbaloi dengan wang yang dibelanjakan (value for money).

Pada perbincangan dengan kumpulan Suez Environment yang diketu-

ai Naib Presiden Eksekutif Kanan bagi Penyelidikan Penyelaras Air dan Pembangunan, Bernard Guirkinger, Abdul Khalid menyatakan kesukaran yang dihadapi kerajaan Selangor untuk mengambil alih industri perkhidmatan air dari syarikat konsesi.

"Model penswastaan hari ini tidak membawa sebarang kebaikan kepada industri air yang kini sarat dengan pelbagai masalah termasuk sistem pengurusan dan perancangan air yang tidak holistik, struktur peraturan tidak berkesan, pengoperasian tidak berkesan dan kadar air tidak berhasil (NRW) yang tinggi," tegas beliau.

Di London, Abdul Khalid bertemu dengan Pengurus Eksekutif Wessex, Colin

Skellet dan Dave Elliot yang juga merupakan Pengarah Perancangan dan Pengurusan Aset.

"Model pembahagian yang diperlakukan di Selangor membuktikan bahawa industri perkhidmatan air kita tidak boleh dipisah-pisahkan dengan memberi bahagian yang lebih untung kepada syarikat swasta, sedangkan pihak kerajaan terpaksa menanggung beban kerugian," kata beliau.

Dalam lawatan ke London, beliau dibawa melawat ke ibu pejabat Wessex di Bath dan syarikat sekutunya, GenEco, yang merawat sisa kumbahan menggunakan teknologi terkini dan loji biogas di Bristol, loji kitar semula bahan buangan menjadi tenaga diperbaharui.

Oleh NORHAYATI UMOR

**SHAH ALAM** - Demi membeli nasib dan menyatakan hak rakyat, saya tidak sesekali gentar dan tidak akan berundur walaupun setapak serta bersedia berhadapan dengannya di mahkamah pada bila-bila masa, kata Adun Sekinchan, Ng Suee Lim.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Noh Omar memfailkan saman RM20 juta masing-masing kepada Kerajaan Negeri Selangor yang menerbitkan akhbar Selangor Kini dan Suee Lim.

Saman tersebut dikeluaran berhubung laporan Selangor Kini bertarikh 25 November hingga 2 Disember 2011 itu yang bertajuk 'Pesawah tuntut Noh Omar letak jawatan, yang disifatkan beliau sebagai fitnah dan menjatuhkan kredibilitinya sebagai wakil rakyat.'

Pada 9 Mac lalu saman difailkan di Mahkamah Tinggi Shah Alam, turut dinamakan enam

# Saman Noh: Demi rakyat saya tidak gentar

individu lain termasuklah Setiausaha Politik Menteri Besar Selangor, Faekah Hussin dan sidang pengarang akhbar Selangor Kini.

Suee Lim berkata, beliau tidak gentar kerana baginya tuntutan pesawah terhadap Noh itu benar dan tidak berunsurkan fitnah.

Hakikatnya ia merujuk kepada Laporan Ketua Audit Negara 2010 yang dibentangkan dalam parlimen, yang mana penemuuan RM110 juta yang hilang dalam kementeriannya.

**Ini menunjukkan apa yang saya dan yang lain lakukan itu benar dan bukannya fitnah, tuntutan petani itu bererti benar, kita tidak tahu apa yang dilakukan Noh kerana beliau tidak memberi penjelasan apa-apa**

- NG SUEE LIM  
Adun Sekinchan



"Noh sepatutnya menyalurkan peruntukan sebanyak RM110 juta itu kepada petani sebagai inisiatif meningkatkan hasil padi."

"Contohnya, hasil pertanian petani sebanyak lima tan telah meningkat kepada tujuh tan. Usaha gigih untuk menaikkan hasil pendapatan itu kepada dua tan sepatutnya dibayar. Noh kena bayar setiap tan, iaitu bagi satu tan sebanyak RM650, tetapi Noh hanya memberi janji kosong sahaja," katanya ketika dihubungi.

Jelasnya, wang inisiatif peningkatan hasil padi itu tidak dibayar sejak tiga tahun lalu, kerana rasa tidak berpuas hati barulah petani tersebut membuat bantahan.

Tambahnya, susulan dari demonstrasi itu dalam tempoh lima hingga tujuh



**Berita tentang nasib petani di Tanjung Karang yang menjadi 'kemarahan' Noh**

hari, petani terbabit menerima sejumlah wang inisiatif yang dimasukkan secara terus ke dalam akaun mereka.

"Ini menunjukkan apa yang saya dan yang lain lakukan

itu benar dan bukannya fitnah. Tuntutan petani itu bererti benar, kita tidak tahu apa yang dilakukan Noh kerana beliau tidak memberi penjelasan apa-apa," katanya.

## Lantik audit untuk dapatkan kembali aset Yayasan Selangor

**SHAH ALAM** - Kerajaan Selangor akan memulakan usaha untuk mengesan dan mengembalikan aset berjumlah RM500 juta yang hilang daripada Yayasan Selangor (YS) akibat salah urus tadbir pemerintahan Umno-BN.

Pada peringkat permulaan, kerajaan Selangor akan melantik unit audit forensik untuk meneliti akaun dan rekod YS bagi mengenal pasti aset-aset yang hilang.

Aset tersebut hilang kerana ketirisan yang berlaku antara tahun 1991 hingga 2008 semasa pengurusan lama badan itu, dipercayai melalui usaha-sama berat sebelah dan tidak menguntungkan YS.

Menyatakan hal yang sama, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim berkata, kerajaan negeri akan cuba sedaya upaya untuk mengembalikan aset tersebut namun ini tertak-

luk kepada status aset tersebut dan perjanjian yang dibuat antara YS dan pihak lain.

"Forensik audit akan dilakukan tetapi akan memakan masa enam bulan baru kita dapat keputusan yang boleh kita gunakan sebagai asas (untuk tindakan lanjut).

"Ada projek yang perjanjian sudah dibuat dan dilaksanakan walau pun kita tahu keadaan itu tidak sepatutnya berlaku, tapi dah berlaku dan hanya tinggal fakta sahaja."

"Ini mesti dibuat dengan teliti dan mesti ada fakta yang cukup," Abdul Khalid berkata demikian apabila ditemui di luar Dewan Negeri Selangor di sini.

YS ditubuhkan dengan tujuan memberi bantuan kewangan kepada pelajar miskin luar bandar.

Kajian itu bagi menaksir Nilai

**Forensik audit akan dilakukan tetapi akan memakan masa enam bulan baru kita dapat keputusan yang boleh kita gunakan sebagai asas (untuk tindakan lanjut)**

- ABDUL KHALID  
Menteri Besar

Pembangunan Kasar (GDV) projek tanah YS yang dimajukan secara usahasama dengan pemaju dalam tempoh 17 tahun itu.

GDV adalah nilai jualan se suatu projek hartanah selepas ia siap dibina.

YS mendapat banyak usahasama di mana ia hanya menerima 30 peratus daripada GDV projek itu.



**Selangor Kini**

**SIDANG PENGARANG**

**PENASIHAT:** Arfa'eza Abdul Aziz  
**KETUA PENGARANG:** Sheridan Mahavera Mohd Shakir  
**PENGARANG BERITA:** Najib Hashim  
**PENOLONG PENGARANG BERITA:** Mohd Ezli Mashut  
**PEMBANTU PENGARANG:** Rusidah Salim  
**WARTAWAN:** Afix Redzuan: afixredzwan@gmail.com  
Afeeqa Afeera: afeeqa\_afeera@yahoo.com  
Hafizan Taib: hafiztaib@yahoo.com  
Norhayati Umor: chayunkyatt@gmail.com  
**JURU GAMBAR:** Raheemie Arifin  
**GRAFIK & REKA LETAK:** Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran Akutik 13/43,  
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor  
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856  
Emel: news@selangorkini@gmail.com

# Bantu tambah pusat dialisis

**PRIHATIN...**  
Xavier (kiri) melawat dan bertaunya khabar pesakit yang sedang menerima rawatan dialisis



**SHAH ALAM** - Kerajaan Negeri mengalau-alukan usaha pihak tertentu untuk menubuhkan serta memperbanyakkan pusat rawatan dialisis dengan bayaran murah kepada pesakit di negeri ini.

Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin, Dr Xavier Jayakumar berkata, pesakit buah pinggang sentiasa memerlukan rawatan dialisis yang menelan belanja tinggi.

Menurutnya, tindakan Rotary Club menubuhkan Pusat Dialisis Rotary Klang adalah satu usaha murni yang perlu disokong oleh semua pihak.

"Masih terdapat pesakit yang tidak mampu membayar kos rawatan dialisis dan ada juga terpaksa mengurangkan jumlah rawatan dari tiga kali kepada dua kali seminggu, ini akan menjelaskan kesihatan mereka.

"Oleh yang demikian, sumbangan orang ramai adalah perlu bagi memastikan lebih banyak pusat rawatan dialisis dapat ditubuhkan, khusus untuk meringankan beban pesakit," katanya.

merasmikan Pusat Dialisis Rotary Klang, di Wisma Rotary, baru-baru ini.

Menurutnya, sehingga kini rawatan dialisis masih mempunyai permintaan tinggi, terutama mereka yang kurang berkemampuan.

"Permintaan untuk mendapatkan rawatan dialisis amat tinggi, kerana sekiranya anda membina sebuah pusat rawatan terutama di kawasan seperti Klang, dalam jangka masa sebulan, ia akan dipenuhi dengan pesakit.

"Oleh itu, bantuan kewangan amat diperlukan untuk meneruskan operasi pusat rawatan ini kerana ia ditubuhkan bukan tujuan keuntungan," katanya.

Pusat Dialisis Rotary Klang merupakan pusat rawatan dialisis yang ditubuhkan hasil usaha Kelab Rotary Klang bagi memastikan pesakit hemodialisis mudah mendapat rawatan dengan bayaran rendah.

Pusat rawatan ini mengenakan bayaran RM110 bagi satu rawatan berbeza dengan bayaran di pusat rawatan lain yang mengenakan bayaran RM150 ke RM250.



**SERONOK...** Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan, Dr Yaacob Sapari menyampaikan hadiah arnab dan peralatan sekolah kepada Adik Nor Balqis Mohammad, 9, yang memenangi Pertandingan Melukis 'Anak Selangorku' Art Competition, anjuran Pejabat DUN Kota Anggerik, di Canopy Club, Setia Eco Park, Shah Alam

## MENCORAK MASYARAKAT

**unisel**  
UNIVERSITI SELANGOR

PENGAMBILAN  
APRIL  
**2012**  
Pendaftaran :  
28 April 2012

Permohonan dalam talian : [apply.unisel.edu.my](http://apply.unisel.edu.my)

### PROGRAM PENGAJIAN DIPLOMA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(R/521/4/0019)/01/16]
- Kejuruteraan Mekatronik [KPT/JPS/(R/521/4/0020)/01/16]
- Kejuruteraan Elektrik dan Eletronik [KPT/JPS/(R/523/4/0061)/01/16]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KR11334)/06/15]
- Pengurusan Pentadbiran [KPT/JPS/(R/345/4/0116)/10/16]
- Perakaunan [KPT/JPS/(KR11335)/01/15]
- Pengurusan Industri Sukan [KPT/JPS/(KA7646)/05/12]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(KR11336)/06/15]
- Pengkomputeran Industri [KPT/JPS/(R/481/4/0043)/05/16]
- Industri Multimedia [KPT/JPS/(R/213/4/0012)/05/16]
- Teknologi Mudahalih [KPT/JPS/(R/310/4/0002)/05/16]
- Aplikasi Komputer dalam Perniagaan [KPT/JPS/(R/482/4/0010)/05/16]
- Pendidikan (Pengajian Pra Sekolah) [KPT/JPS/(KA7855)/09/12]
- Pendidikan (Pengajian Islam) [KPT/JPS/(KA7856)/09/12]
- Sains Perputusan [KPT/JPS/(R/322/4/0003)/10/16]
- Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KR9127)/09/13]
- Akuakultur [KPT/JPS/(KA7848)/01/14]
- Teknologi Industri [KPT/JPS/(KA8894)/06/13]
- Pengimajian Perubatan [KPT/JPS/(R/725/4/0012)/07/16]
- Kesihatan Persekutuan [KPT/JPS/(R/862/4/0006)/07/16]
- Teknologi Makmal Perubatan [KPT/JPS/(R/725/4/0011)/07/16]
- Kejururawatan [KPT/JPS/(KA7153)/11/15]
- Fisioterapi [KPT/JPS/(R/726/4/007)/07/16]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R/213/6/0007)/05/16]
- Teknologi Fotografi [KPT/JPS/(KA7717)/05/12]
- Komunikasi dan Media [KPT/JPS/(R/321/14/0030)/12/16]

### PROGRAM PENGAJIAN SARJANA MUDA

- Kejuruteraan Mekanikal [KPT/JPS/(R/481/6/0009)/08/16]
- Kejuruteraan Elektrik [KPT/JPS/(KR8482)/09/12]
- Perakaunan [KPT/JPS/(KR10548)/07/14]
- Kewangan [KPT/JPS/(KR10584)/07/14]
- Pemasaran [KPT/JPS/(KR10585)/06/14]
- Pengurusan Perniagaan [KPT/JPS/(KR11678)/10/15]
- Pengurusan Industri [KPT/JPS/(R/345/6/0115)/10/16]
- Pengurusan Sumber Manusia [KPT/JPS/(KA7911)/10/12]
- Teknologi Maklumat [KPT/JPS/(R/482/6/0009)/08/16]
- Sains Komputer [KPT/JPS/(KR11778)/12/15]
- Sains Komputer (Kejuruteraan Perisian) [KPT/JPS/(KR11779)/10/15]
- Psikologi Industri [KPT/JPS/(KA7806)/01/13]
- Pendidikan (Pengajaran Bahasa Inggeris Sebagai Bahasa Kedua) [KPT/JPS/(R/145/0013)/08/16]
- Sains Perputusan [KPT/JPS/(N/322/6/0002)/07/14]
- Pendidikan Awal Kanak-Kanak [KPT/JPS/(N/143/6/0022)/11/16]
- Sains Matematik dengan Statistik [KPT/JPS/(R/461/6/0001)/11/16]
- Teknologi Maklumat (Pengurusan Pengetahuan) [KPT/JPS/(KA7876)/09/12]
- Industri Bioteknologi [KPT/JPS/(KR9126)/06/13]
- Bioinformatik [KPT/JPS/(KR10587)/06/14]
- Sains Persekutuan (Kepelbagaiannya Biologi dan Pemuliharaan) [KPT/JPS/(KA9847)/12/14]
- Seni Reka Grafik Digital [KPT/JPS/(R/213/6/0007)/08/16]
- Kewartawanan [KPT/JPS/(KA8960)/06/13]
- Komunikasi Korporat [KPT/JPS/(KA8961)/09/13]

## FAEDAH YANG AKAN ANDA PEROLEHI SEBAGAI PELAJAR UNISEL

- Bantuan kewangan dan biasiswa kepada yang layak (PTPTN/MARA/SUK/Yayasan Negeri/Karangkraf)\*
- Pengecualian yuran sehingga RM3,000 (Semester 1) kepada pelajar yang memilih mengikuti program Diploma Akuakultur / Bioteknologi / Teknologi Industri \*
- Universiti yang mempunyai kemudahan yang lengkap
- Kediaman / asrama dengan kelengkapan (semi-furnished)
- Latihan dan penempatan kerja untuk graduan
- Kemudahan sukan dan rekreasi yang pelbagai (memanah, aktiviti kayak, paintball, tenis)

\*Tertakluk kepada termasuk syarat



Imbas kod bar ini untuk berhubung dengan kami.

Maklumat lanjut, hubungi:

**+603-5522 3435/3436/3535/3575**

[admission@unisel.edu.my](mailto:admission@unisel.edu.my)

Borang Permohonan (Pengambilan April 2012)

Nama :

Alamat :

No. K/P :

No. Tel :

E-mel :

Program :  
dipohon

1/

2/

(Sila sertakan salinan sijil akademik yang berkaitan)

Hantarkan ke : Pejabat Pemasaran dan Kemasukan Universiti Selangor | KPT/JPS/DFT/US/B03 | KPT/JPS/DFT/US/B18 | Jalan Zirkon A 7/A, Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor | Fax : 03-5522 3541 / 03-5510 9277



**ANAK WAWASAN...**  
Dengan diiringi pegawai dan petugas dari pejabat DUN Selat Klang, Dr Halimah Ali, melawat pelajar-pelajar prasekolah di sekitar kawasan tersebut supaya mereka turut merasa dihargai dan diambil berat



▲ **Saari Sungib** dengan kerjasama Pusat Khidmat Masyarakat DUN Hulu Kelang menyumbangkan beg sekolah kepada murid-murid sekitar DUN berkenaan di Dewan JKKK Kampung Kemensah.



**MENCARI REDA...** Exco Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan, Dr Ahmad Yunus Hairy merasmikan Konsert Otai Rock di Pentas Utama, Dataran Pantai Morib. Program kerjasama kerajaan negeri dan MDKL dihadiri artis-artis seperti, Ali (XPDC) Rahmad (Mega), Baggio (Damasutra) serta barisan artis-artis yang lain



**Exco Selangor, Dr Halimah Ali dan Pesuruhjaya PAS Selangor, Dr Rani Osman, hadir pada majlis perasmian Skud Keselamatan PAS Selangor oleh Timbalan Presiden PAS, Mat Sabu di Ampang Pecah**



▲ **Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar, Elizabeth Wong,** mendengar penerangan bagaimana mengitar semula minyak bagi mencegah pencemaran semasa Pelancaran Kempen Batu Caves Bersih dan Ceria



**SUARA RAKYAT...** perhimpunan Wanita Suara Perubahan sempena Hari Wanita Sedunia di Padang Astaka bagi menuntut supaya Kerajaan Pusat merealisasikan pilihan raya bersih dan adil di negara ini, khususnya bagi Pilihan Raya Umum ke-13 (PRU13) nanti dengan membersihkan senarai undi, mereformasikan undi pos, gunakan dakwat kekal, masa kempem minima 21 hari, akses media yang bebas dan adil serta kukuhkan institusi awam



▲ **MELENTUR BULUH BIAR DARI REBUNG...** Pasukan Briget Amal Selangor, menolong mengedarkan barang-barang bantuan kepada mangsa banjir di Pusat Khidmat Masyarakat Lembah Jaya



**Penyelaras Pusat Khidmat Rakyat DUN Permatang Tanjong Karang, Yahya Sahri, memberi bantuan beg sekolah kepada anak-anak miskin di Kampung Sawah Sempadan Blok E, Q, S, W**



**Haniza Talha** pergi ke pasar Jalan Othman, untuk bertanya khabar para peniaga di situ, selain membuat tinjauan sama ada mereka bersetuju jika dibina pasar baru bagi menggantikan pasar lama

## Bekas lombong bakal jadi pusat komuniti

**MENYEDARI** pentingnya mengatasi masalah sosial di kalangan remaja, Adun Taman Medan, Haniza Talha bercadang membina sebuah Pusat Khidmat Kaunseling di sini.

Ini kerana golongan berkecuaan merupakan bakal pewaris negara, maka isu tersebut tidak boleh dipandang enteng, sebaliknya perlu ditangani segera daripada peringkat awal.

Menurut Haniza, setakat ini kawasan lombong di PJS 2 yang terletak bersebelahan Sekolah Rendah Taman Datuk Harun, dikenal pasti sebagai lokasi sesuai untuk dibangunkan pusat komuniti tersebut.

“Cadangan pembinaan pusat komuniti (*community house*) ini merupakan projek terbaru yang berada dalam perangkaan saya sebagai salah satu usaha untuk membangunkan DUN Taman Medan. Saya akan kemukakan kertas cadangan kepada pihak berkenaan dalam masa terdekat bagi membolehkan mereka meneliti usul tersebut.

Bagaimanapun, projek itu hanya boleh dilaksanakan dalam jangka masa kurang sepuluh ta-

hun lagi untuk membolehkan kerja-kerja menambak dilakukan. Saya juga akan meninjau beberapa kawasan lain yang berpotensi untuk dibangunkan pusat komuniti bagi remaja bermasalah,” katanya.

Pusat komuniti yang akan dibangunkan itu nanti turut mendapat kerjasama Agensi Anti Dadah Kebangsaan (AADK) dan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ).

Selain itu jelas Haniza, beliau juga bercadang untuk menubuhkan pusat kemahiran yang menyediakan latihan insentif kepada golongan remaja bagi mengasah bakat.

Ujarnya, pusat kemahiran itu nanti akan mensasarkan golongan remaja dan pelajar yang tidak berminat untuk meneruskan pelajaran ke peringkat lebih tinggi.

“Pusat kemahiran itu mempunyai konsep yang sama seperti Pusat Latihan Giat Mara. Sehubungan itu, saya benar-benar berharap kerajaan negeri dapat memberi sokongan kepada usaha ini bagi mengelakkan masalah gejala sosial dari terus menular di kalangan masyarakat terutamanya di Selangor,” katanya.



Tanah lapang yang bakal dijadikan pusat komuniti



Jalan raya yang didakwa sering mengakibatkan kemalangan

**PUSAT KHIDMAT DUN TAMAN MEDAN**  
No. 25 Jalan Pjs 1/32,  
Taman Medan Pejasa,  
46150, Petaling Jaya,  
Tel :03-7781 2151  
Fax :03-7781 8704  
Fauziah 012-603 3949  
Yuslan 017-278 8722



## Jalan dalam taman perlu dilebar

Oleh AFEEQA AFEERA

**PENDUDUK** sekitar Taman Medan terutama di laluan utama PJS 1 dan Sri Manja, meminta pihak yang bertanggungjawab dapat melebarkan jalan-jalan yang menghubungkan Lebuhraya Kesan yang menghubungkan Bandar Kinrara, Puchong ke Petaling Jaya.

Digunakan sebagai laluan pintas, keadaan menjadi kritis terutamanya pada waktu puncak.

Perkara ini diakui penduduk, Mohd Ikram, 26, yang menggesa pihak bertanggungjawab untuk segera mengambil tindakan dengan melebarkan jalan raya sedang ada bagi mengurangkan kesesakan, sekali gus mengelakkkan kemalangan.

“Saya terpaksa ambil masa yang lama untuk keluar masuk simpang ke kawasan perumahan sendiri. Jadi saya pohon kerjasama daripada pihak terlibat untuk mengkaji semula perkara ini, memandangkan banyak insiden yang tidak diingini berlaku, yang membahayakan pengguna lain,” jelasnya.

Menurut Adun Taman Medan, Haniza Talha, kesesakan membulan kebimbangan di kalangan penduduk di kawasan sekitar kerana banyak kemalangan maut berlaku sebelumnya.

“Dalam dialog bersama pihak Kesan sebelum pembukaan lebuhraya ini, saya ingatkan mereka supaya memastikan jalanan raya ini dilebarkan atau dinaik taraf sebelum dibuka kepada

pengguna. Malangnya, apabila lebuh raya itu siap, pelebaran jalan di dalam taman gagal dilakukan,” katanya.

Sehubungan itu, Haniza menegaskan pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mengambil pendekatan dengan mempercepatkan lampu isyarat merah bagi melancarkan aliran, selain membuang bonggol di kawasan itu.

“Kita sebenarnya sedang menunggu naik taraf jalan, di mana lebuh raya bertingkat akan dibina di lebuh raya berkenaan.

“Bagaimanapun, kerja-kerja pembinaan hanya akan dilakukan akhir tahun ini atau awal tahun depan. Buat sementara ini, kita hanya mampu untuk baiki jalan raya sedia ada ini,” ujarnya.

## Rumah tidak terancang punca kesesakan

‘RUMAH siap pahat berbunyi’ mungkin itu antara peribahasa yang boleh digunakan untuk menggambarkan senario yang menimpa rata-rata penghuni yang tinggal sekitar Taman Datuk Harun, di sini.

Ia merujuk kepada pembinaan rumah tidak terancang sejak awal tahun 70-an yang mengakibatkan kesesakan teruk di dalam kawasan rumah, malah mengundang banjir setiap kali musim hujan lebat kerana longkang ditutup.

“Pembangunan tidak terancang ini memberi kesan kepada bencana alam seperti banjir sejak kali musim hujan lebat kerana longkang ditutup.

tetapkan.

Beliau berkata, jalan raya dua hala yang dibina bagi laluan kendaraan menjadi semakin sempit ekoran penghuni di kawasan itu mengubah suai kediaman sehingga menutup saluran longkang di hadapan dan sekitar rumah.

“Pembangunan tidak terancang ini memberi kesan kepada bencana alam seperti banjir sejak kali musim hujan lebat kerana longkang ditutup.

“Penghuni juga terpaksa berhadapan dengan kesesakan kritis di jalan utama dan lorong di taman untuk keluar masuk rumah pada waktu pagi dan petang,” tegasnya.



SEMPIT... pembinaan rumah yang tidak terancang menyebabkan masalah tempat letak kereta berlaku

Menurut Adun Taman Medan, Haniza Talha, kejadian itu berpunca daripada sikap penghuni sendiri yang tidak mematuhi piaianan pembinaan rumah yang di-

Selain itu jelasnya, penduduk juga berhadapan masalah tempat letak kereta di kawasan rumah lebih-lebih lagi apabila hampir

kesemua rumah dibina di atas re zab jalan.

Sehubungan itu katanya, beliau akan mencadangkan kepada

pihak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) untuk mengambil tindakan dengan membuat perubahan bagi mengatasi masalah di kawasan tersebut.

Beliau berkata, ia adalah alternatif sementara yang boleh digunakan untuk mengurangkan kesesakan lalu lintas dan banjir yang sering berlaku di situ.

“Saya beberapa kali berjumpa pihak MBPJ untuk berbincang perkara ini.

“Setakat ini, apa yang boleh kita laksanakan adalah MBPJ perlu keluarkan notis yang memberi arahan supaya tidak memberikan penduduk mengubah suai rumah sesuka hati,” katanya.

Oleh AFEEQA AFEERA

**SEBAGAI** tanda sokongan kepada usaha menjaga keselamatan dan memupuk semangat perpaduan di kalangan penduduk, DUN Taman Medan menyerahkan sumbangan sejumlah RM800 kepada Komuniti Rukun Tetangga (KRT) Taman PJS 2C.

Sumbangan berbentuk cek itu diserahkan sendiri Adun Taman Medan, Haniza Talha kepada wakil KRT di pejabatnya, di sini.

Menurut Timbalan Pengurus KRT Taman PJS 2C, Muhammad Anuar Suradi, sumbangan ini diberikan sempena pelaksanaan aktiviti tahunan di kawasan tersebut, yang mana melibatkan pelbagai program seperti gotong-royong, korban dan sebagainya.

“Pada tahun ini, kita telah merancang pelbagai aktiviti, antaranya sempena nuzul al-Quran, gotong-royong dan beberapa program lain untuk menambah baik usaha KRT dalam menjaga komuniti penduduk di Taman PJS 2C.

# Komuniti Rukun Tetangga terima sumbangan

“Saya ingin ucapan terima kasih kepada Adun kerana amat prihatin dengan keperluan rakyat dan sering memberi sokongan baik kepada usaha KRT,” ujarnya.

Sementara itu, Haniza secara ringkas berkata, keutamaan sumbangan atau bantuan itu hanya akan diserahkan kepada pihak yang layak, lebih-lebih lagi jika ia melibatkan hal ehwal komuniti dan penduduk setempat, namun bergantung kepada peruntukan yang ditetapkan.

Jelasnya, mana-mana KRT yang ingin mohon bantuan, hanya perlu menyerahkan kertas cadangan dan kemukakan surat rasmi sebelum layak menerima sumbangan daripada DUN.

“Kita memang mempunyai peruntukan daripada DUN un-



tuk diberikan kepada Rukun Tetangga bagi membolehkan mereka menjalankan aktiviti yang telah dirancang pada se-

tiap tahun.

Bagaimanapun, sumbangan hanya boleh diserahkan sekiranya pemohon itu menge-

mukakan dokumen lengkap berserta gambar tentang aktiviti yang akan dan telah dilakukan sebagai bukti,” katanya.

**BANTUAN...**  
Haniza menyerahkan sumbangan kepada wakil Komuniti Rukun Tetangga, Ismail (berbaju merah), sambil diperhatikan Muhammad Anuar di pejabatnya

## Masalah parkir di Putrajaya semakin kronik

**PUTRAJAYA** - Berlanjut agak lama, sehingga kini masalah kekurangan parkir kereta di Pangaspuri Presint 9 dan 11 di sini semakin kronik dan seakan tidak ada jalan penyelesaian.

Kawasan ini merupakan penempatan terpadat yang didiami kakitangan awam di pusat pentadbiran negara yang serba canggih itu.

Pembangunan pesat dan pembinaan pangaspuri yang semakin bertambah menyebabkan penambahan kenderaan yang menyumbang kepada kekurangan kawasan parkir.

Kawasan perumahan yang mempunyai ruang parkir kereta yang terhad menyebabkan pemilik kenderaan meletakkan kereta di bahu jalan, walaupun sedar tindakan itu salah dan boleh menyebabkan masalah trafik.

Menurut Ketua Cabang PKR Putrajaya, Onn Abu Bakar, masalah yang semakin kritis ini terpaksa dihadapi penghuni yang rata-rata setiap isi rumahnya mempunyai lebih daripada sebuah kereta.

“Penduduk di kawasan ini tidak mempunyai pilihan lain selain meletakkan kenderaan di bahu-jalan kerana itu sahaja alternatif yang ada setakat ini. Saya benar-benar berharap supaya pihak pengurusan



**Kenderaan yang diparkir di bahu jalan berisiko untuk disaman**  
**Gambar kanan: Onn Abu Bakar**



pangaspuri dapat mencari jalan untuk mengatasi masalah tempat letak kereta bagi mengelakkkan kejadian tidak dingini berlaku,” katanya.

Onn berkata, walaupun saman dieluarkan setiap hari, namun keadaan sama tetap berlaku.

Jelasnya, penduduk akan tetap meletakkan kenderaan di bahu jalan memandangkan tidak mempunyai pilihan lain.

Sementara itu, Siti Munirah, 26, yang menetap di kawasan itu berkata, beliau benar-benar berharap supaya pihak pemaju boleh menyediakan kemudahan tempat letak kereta bagi mengelakkkan mereka dari terus disaman.

## Kecewa akhbar Selangor Kini dirampas

CABANG PKR Putrajaya melahirkan kekesalan atas tindakan pihak tidak bertanggungjawab yang merampas akhbar rasmi kerajaan Selangor, iaitu Selangor Kini yang diedarkan di kawasan perumahan.

Ketuanya, Onn Abu Bakar berkata, beliau menerima laporan berhubung kejadian itu baru-baru ini daripada salah seorang penduduk setempat yang tinggal di kawasan Pangaspuri Presint 9 fasa 1 dan 2.

Menurutnya, kejadian seumpama dilihat sebagai salah satu usaha atau takтик kotor pihak tertentu untuk menyekat informasi kerajaan Pakatan Rakyat (PR) daripada sampai kepada masyarakat Putrajaya.

“Menurut laporan yang diterima, difahamkan sekumpulan pekerja Bangladesh yang diupah untuk mengedarkan Selangor Kini dari rumah ke rumah telah dihalang, selain akhbar itu turut dirampas.

Bagaimanapun, kita tidak boleh mengesahkan pihak mana yang terlibat, namun siasatan lanjut akan tetap diteruskan,” tegasnya.

Sehubungan itu, beliau berharap supaya masyarakat setempat segera mengemukakan aduan kepada pihaknya sekiranya kejadian sama berulang lagi. Ia bagi memastikan supaya lidah rasmi kerajaan Selangor itu tidak lagi dimanipulasi oleh mana-mana pihak.

**PUSAT KHIDMAT PARLIMEN PUTRAJAYA**  
No.41-1, Jalan Dwi Tasik, Bandar Sri Permaisuri, Bandar Tun Razak, 56000 Kuala Lumpur  
TEL : +603 9172 4200/1200  
pkr.putrajaya@gmail.com  
pkrputrajaya.blogspot.com



**Bakhtiar menunjukkan longgokan sampah yang mengganggu keselesaan penduduk**

## Kedai besi buruk ganggu penduduk

Oleh NAEEM RAFFI

LAMBAKAN kedai besi buruk di Kampung Sungai Machang di sini, mendatangkan kebimbangan penduduk setempat.

Keghairahan pengusaha kedai besi buruk ini menjadikan kawasan sekitar kampung tersebut sebagai lokasi perniagaan, disebabkan terletak berhampiran dengan Loji Bahan Bakar Terbitan atau Refuse Derived Fuel (RDF) di Sungai Pasir.

Projek perintis RDF ini bermula sejak tahun 2006 melalui kerjasama antara Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), firma bumiputra Recycle Energy Sdn Bhd (RESB), Agensi Nuklear Malaysia (Nuklear Malaysia) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) semasa pemerintahan Umno-BN.

Penduduk sebelum ini diyakinkan bahawa pembinaan projek ini tidak akan mengganggu kesejahteraan kampung mereka.

Sebaliknya kini, tidak cukup dihimpit dengan pemandangan deretan kedai besi buruk di kawasan kampung, penduduk juga terpaksa berdepan dengan suasana bau busuk dan risiko kemalangan akibat kerosakan jalan ekoran kenderaan berat melalui kampung mereka.

Tinjauan Selangor Kini di lokasi yang didakwa, mendapati lalu lintas sibuk dengan lori-lori sampah yang singgah ke kedai besi buruk sebelum menghantar sampah ke RDF.



“Setakat ini sepanjang 2.5 km kawasan kampung dipenuhi sekurang-kurangnya sembilan buah kedai besi buruk, ia menjadi jadi apabila lori yang akan menghantar sampah ke RDF akan singgah ke mana-mana kedai di sini untuk jual besi-besi buruk.

“Saya tidak halang pembangunan, sebaliknya apa yang berlaku tidak seperti apa yang digambarkan sebelum projek RDF ini dibina. Ia tidak adil kepada kampung saya apabila lori menggunakan kampung ini sebagai laluan utama ke RDF, tetapi meninggalkan bau busuk dan laluan jalan yang rosak,” katanya.

Mengulas lanjut perkara yang sama, Bakhtiar berkata, pihaknya sudah mengutarakan perkara ini kepada Biro Pengdaun Awam termasuk MPKJ. Namun sehingga kini tiada sebarang perubahan, malah semakin bertambah.

Ketua Kampung Sungai Machang, Bakhtiar Abd Rahman, 52, berkata, lambakan kedai besi buruk ini semakin menjadi-jadi sejak dua tahun kebelakangan ini.

## 60 keluarga gembira jalan diturap

**KIRA-KIRA** 60 buah keluarga Kampung Lembah Sungai Sekamat di sini gembira apabila laluan alternatif bagi pelajar-pelajar ke Sekolah Rendah Kebangsaan Seri Sekamat dan Sekolah Rendah Agama Sungai Sekamat di-turap tar sepenuhnya dan tidak lagi berdepan dengan laluan tanah merah yang berlopat dan lekah.

Penurapan ini hasil keprihatinan Adun Kajang, Lee Kim Sin yang menyalurkan peruntukan sejumlah RM20 ribu untuk kerja-kerja menurap mini tar sepanjang 200 meter di kampung tersebut.

Menurut penduduk kampung, Nor Hayati Husin, 46, berkata, sebelum ini penduduk kampung beberapa kali memohon bantuan pembinaan jalan, namun tida sebarang maklum balas.

“Laluan ini adalah tanah peribadi dan kami wakafkan untuk kegunaan dan kemudahan bersama, masalah kami ialah modal untuk menurap jalan.

“Walau bagaimana pun, pe-nantian berpuluhan tahun ini selesai apabila Adun Kajang, prihatin dan menyalurkan bantuan ini,” jelas Nor Hayati.

## Naik taraf sistem perparitan elak banjir

**EKORAN bentuk muka bumi yang rendah dan kedudukannya terletak bersebelahan sungai dan Lebuhraya Grand Saga, Kampung Sungai Balak sekurang-kurangnya mengalami empat kali banjir kilat dalam setahun dengan paras air setinggi dua hingga tiga kaki.**

Melihat pada permasalahan yang menghantui penduduk di sini, Adun Kajang, Lee Kim Sin mengambil keputusan menaik



**SELESA... Hairul (kiri) bersama penduduk meninjau laluan alternatif yang selesai diturap**

Tambah Nor Hayati, beliau berterima kasih atas keperihatinan dan kecekapan Adun berkenaan menyelesaikan masalah ini.

Sementara itu, seorang lagi penduduk, Hairul Azreen Mohd Zain, 27, berkata, sebelum ini mereka terpaksa meredah laluan berlubang dan lekah di sepanjang jalan di dalam kampung.

“Pengalaman semasa berse-

kolah dahulu, saya terpaksa buka kasut untuk melalui kawasan ini ketika musim hujan kerana lekah dan lubang hampir di setiap laluan. Kalau ikut laluan jalan utama, saya terpaksa berjalan kaki jauh untuk ke sekolah.

“Hari ini, semuanya berubah, penduduk di sini juga selesa kerana tiada lagi masalah untuk keluar masuk kampung,” jelasnya.

pung dan mengalirkan air hujan yang banyak dan lancar untuk terus ke sungai.

Sementara itu, Ketua Kampung Balak, Rahman Abu memuji kepekaan dan keperihatinan Adun Kajang terhadap masalah di kampungnya dan membantu meringgankan beban penduduk yang sering mengalami kerugian setiap kali berlakunya banjir kilat.

“Sekurang-kurangnya laluan air baru ini mampu mengurangkan risiko berlakunya banjir di sini.

“Gara-gara selalu berlaku banjir kilat di kawasan ini, penduduk ramai yang mengambil inisiatif mengubah suai rumah mereka dengan membina tembok penghadang dan menaikkan sedikit rumah mereka bagi mengelak limpahan air hujan masuk ke dalam rumah,” katanya.

Bagi Timbalan Ketua Ranting Kajang, Ahmad Syakir Mohd Said, turut mengharapkan penduduk setempat mengamalkan budaya sihat dengan memastikan laluan air ini tidak tersumbat daripada bendasing ataupun sampah sarap yang menyumbang berlakunya banjir kilat.



**Kolong baru yang lebih efektif. Gambar kecil: Ketua Kampung Balak, Rahman Abu**

KUALA LANGAT - Pencapaian dua orang atlit Faizal Abdul Wahab dan Zain Azrull Zabidin yang mewakili Majlis Daerah Kuala Langat (MDKL) pada Kejohanan Paragliding Accuracy World Club 2012 mendapat pujian kerana menunjukkan persembahan terbaik bersama peserta serata dunia yang diadakan di Ranau, Sabah.

Pengurus Pasukan Mdkl, Rizaki Japar berkata, seramai 54 orang peserta dari serata dunia menghantar peserta terbaik daripada negara masing-masing bagi merebut kejuaraan kejohanan tersebut.

"Walaupun dua orang atlit Mdkl hanya menduduki tempat ke 22 dan 41 di dalam rangking dunia, tetapi seorang peserta daripada Mdkl mendapat tempat kedua di kejohanan tersebut melalui kategori Tertutup Malaysia dimana Zain Azrull Zabidin mendapat tempat kedua," katanya.

Beliau berkata, walaupun pasukan Paragliding Mdkl hanya memiliki peralatan yang tidak setaraf dengan peserta-peserta negara luar, namun pasukan Paragliding Mdkl menunjukkan semangat juang yang tinggi hingga berjaya menduduki tempat kedua bagi kategori

# MDKL sertai kejohanan paragliding dunia



**SEMANGAT...**  
**Pasukan**  
**MDKL**  
**berjaya**  
**harumkan**  
**nama negara**  
**dalam**  
**kejohanan**  
**yang disertai**

Tertutup Malaysia dan tempat 22 dan 41 pada peringkat dunia.

"Ini secara tidak langsung akan berikan pendedahan secara terus serta memberikan ruang kepada peserta

Mdkl untuk memimba pengalaman serta bertukar-tukar fikiran dengan peserta nombor satu dunia, Matjazz Ferarick (Slovenia), Nanang Sunarya (Indonesia) dan banyak lagi," katanya.

## Mesin judi gergasi 'curi' tumpuan

KLANG - Sebuah mesin judi gergasi antara barang yang disita dalam satu operasi yang dilakukan Jabatan Penguatkuasa, Majlis Perbandaran Klang (MPK), sekitar Klang Utara di sini, baru-baru ini.

Timbalan Pengarah Jabatan Penguatkuasa, Shahrul Hazri Abd Majid berkata, tiga premis diserbu dan 54 komputer disita, termasuk sebuah mesin judi gergasi yang mencuri perhatian pengunjung di situ.

Menurutnya, tiga lokasi berkenaan ialah Klang Utara, Bandar Baru Klang

dan Kampung Jawa.

Pada masa yang sama pihaknya juga mengadakan pemeriksaan ke atas premis-premis yang lain.

"Kesemua barang ini disita mengikut Undang-Undang Kecil (UUK) 3 Pusat Siber 2007 kerana beroperasi tanpa lesen dan kesemua pengunjung yang ada juga diambil keterangan untuk direkodkan.

"Operasi seperti ini akan diteruskan dari masa ke semasa bagi memastikan tiada pihak yang melanggar peraturan yang ditetapkan dan membanteras ak-

tiviti perjudian haram seperti ini," katanya.

Shahrul berkata, operasi yang diadakan itu adalah hasil risikan dan maklumat orang ramai yang peka dengan keadaan persekitaran tempat tinggal, terutama gejala yang boleh merosakkan generasi muda itu.

Menurutnya, sebarang maklumat berkaitan pusat perjudian haram boleh hubungi 1800 8823826, 03-33714404 atau pesanan khidmat ringkas (SMS) ke 012 2303781 untuk membolehkan pihaknya membuat siasatan lanjut.

## MPSJ mengorak ke arah Bandar Hijau

SERDANG - Majlis Perbandaran Subang Jaya (MPSJ) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) mengorak langkah ke hadapan dengan memperkasakan perkongsian bestari melalui pelancaran Bandar Hijau Serdang, selaras dengan objektif Dasar Teknologi Hijau Negara yang bermula 2009.

Yang Dipertua MPSJ, Datuk Asmawi

Kasbi berkata, Serdang dipilih kerana bandar itu merupakan sebuah bandar yang dirancang dan dibangunkan berdasarkan matlamat jangka panjang bagi mencapai pembangunan mampan ke atas pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Katanya, projek itu adalah sebahagian daripada Program Perintis

Pembangunan Konsep Bandar Biomas selama tiga tahun sehingga Mac tahun hadapan di bawah Jabatan Pengurusan Sisa Pe-pejal Negara, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Kementerian Pertanian, Perhutanan dan Perikanan Jepun, MPSJ dan UPM.

"Pembangunan 'SerdangGreentown' atau 'Bandar Hijau Serdang' merupakan 'Green Initiative MPSJ-UPM' bagi melaahirkan sebuah Komuniti Hijau, di samping meningkatkan kualiti hidup dan bandar lestari yang memberi manfaat kepada pelanggan MPSJ, khususnya penduduk Serdang," katanya ketika berucap dalam majlis pelancaran Bandar Hijau Serdang di Taman Tasik Sri Sedang di sini, baru-baru ini.

Turut hadir, Timbalan Yang Dipertua MPSJ, Abdullah Marjunid dan Naib Canselor UPM, Datuk Ir Dr Radin Umar Radin Sohari.



**Asmawi dan Ir Dr Radin, menurunkan tanda tangan di plak peringatan**

Beliau turut mengharapkan dengan adanya peserta Mdkl mendapat tempat kedua bagi Kategori Tertutup Malaysia, akan meningkatkan lagi kehadiran pelancong dari luar negara melalui pelancongan sukan.

### Talian Hotline Kutipan Sampah

Anda mahu buat aduan sampah yang tidak dikutip dan longkang tersumbat di kawasan komuniti, di mana anda tidak tahu ke mana dan siapa yang perlu dilapor? Kami sediakan talian bebas tol 1800 88 2824. Talian ini beroperasi 24 jam atau terus ke nombor PBT seperti yang tertera

**MAJLIS PERBANDARAN AMPANG JAYA**  
Tel : 03-4296 8000; Hotline : 1-800-22-8100

**MAJLIS DAERAH HULU SELANGOR**  
Tel : 03-6064 1331  
SMS : taip "mdhs aduan" hantar ke 15888. untuk semak aduan,status,taip 'mdhs semak' hantar ke 15888

**MAJLIS PERBANDARAN KLANG**  
[www.mpklang.gov.my](http://www.mpklang.gov.my)  
Kutipan Sampah  
Klang Utara: 016-2720406 (Kamachy);  
Klang Selatan: 016-2506796 (Razif)  
Pembersihan awam (Jalan dan Longkang)  
Klang Utara : 019-2245387 (Haji Nasirun); Klang Selatan: 016-3824471(Loganathan)  
Talian: 03-3372 4820 / 6781 / 1-800-88-23826 (Toll-free)

**MAJLIS DAERAH KUALA LANGAT**  
[www.mdkl.gov.my](http://www.mdkl.gov.my) Tel: 03-3187 2825  
SMS: Taip "MDKL ADUAN < aduan >" dan hantar kepada 15888.

**MAJLIS DAERAH KUALA SELANGOR**  
[www.mdks.gov.my](http://www.mdks.gov.my) Tel: 03-3289 1439

**MAJLIS DAERAH SABAK BERNAM**  
[www.mdsb.gov.my](http://www.mdsb.gov.my) Tel: 03-3224 1655 / 1000

**MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**  
[www.mps.gov.my](http://www.mps.gov.my)  
Tel: 03-6126 5800 / 6120 4903 / 04 / 05 / 06

**MAJLIS PERBANDARAN SEPANG**  
[www.mpsepang.gov.my](http://www.mpsepang.gov.my) Tel: 03-8319 0200 / 0300

**MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM**  
[www.mbsa.gov.my](http://www.mbsa.gov.my)  
Tel: 03-5510 5461 / 03-5513 0878

**MAJLIS PERBANDARAN SUBANG JAYA**  
[www.mpsj.gov.my](http://www.mpsj.gov.my)  
Tel: 03-8026 3131 / 5637 6545

**MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA**  
[www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my)  
Tel: 03-7954 2020 (24-jam hotline)  
/ 03-7956 3544 (am)  
SMS: Taip "MBPJ ADUAN [ aduan ]" dan hantar ke 33213



## MERAKYATKAN EKONOMI SELANGOR (MES)

**TABUNG WARISAN ANAK SELANGOR**  
Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)  
A1-11-2 & A1-11-3 Jalan Multimedia 7/AH,  
Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan.  
Tel : 03-5521 8740 atau 03-5521 8741,  
Faks : 03-5521 8742 atau 03-5521 8743

**SKIM MESRA USIA EMAS**  
Rantaian Mesra Sdn Bhd,  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan,  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel : 03-55103468 /3472, Faks: 03-55103455  
e-mail: mesrausiaemas@gmail.com

**HADIAH ANAK MASUK IPT**  
Pejabat Setiausaha Kerajaan Selangor  
Bahagian Pengurusan Sumber Manusia  
Tingkat 3, Bangunan S.S.A.S, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7385 atau 03-5521 2275  
Faks : 03-5510 4095 atau 03-5511 0659

**PROGRAM PENINGKATAN HASIL BATUAN DAN GALIAN**  
Kumpulan Semesta Sdn Bhd,  
No. 2-12-01, Worldwide@7, Jalan Lazuardi 7/29  
Seksyen 7, 40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5518 7735 , Faks : 03-5518 7736  
email : info@semesta.com.my  
url : www.semesta.com.my

**TABUNG PENDIDIKAN ANAK PEKERJA LADANG**  
Pejabat Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor,  
Tingkat 5, Bangunan SSAAS, 40503 Shah Alam  
Tel : 03-5544 7306 atau 03-5512 3618. Faks : 03-5510 6678

**PUSAT KHIDMAT KRISIS SEHENTI (OSCC)**  
Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi  
Tel : 03-5519 4346 atau 03-5544 7622. Faks : 5519 3304

**BEKALAN AIR PERCUMA 20 METER PADU**  
Kumpulan Darul Ehsan Berhad  
16th - 17th Floor, Plaza Perangsang, Persiaran Perbandaran,  
40000 Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5510 3999. Faks : 03-5510 9977  
Email: communications@kdeb.com

**SKIM KESIHATAN WANITA**

Rantaian Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PROGRAM MIKROKREDIT MISKIN BANDAR (MIMBAR)**  
Mimbar Selangor  
A23, Pusat Perniagaan Jubli 20,  
Jalan Singa J20/J, Seksyen 20, 40300 Shah Alam, Selangor  
Tel: 03-55413616. Faks: 03-55413617  
Laman Web <http://www.mimbarselangor.org>

**SKIM MIKROKREDIT SELANGOR**  
Yayasan Dar al Qard al Hasan Selangor  
Tingkat 2, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
4000, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan  
Tel : 03-5544 7104/ 03-5519 1692/ 03-5521 2312  
Fax : 03-5510 55829  
Laman Web <http://www.skimsel.com>

**PUSAT DIALISIS RAKYAT**  
Rantaian Mesra Sdn. Bhd.  
Tingkat G, Bangunan Darul Ehsan  
No. 3, Jalan Indah, Seksyen 14, 40000 Shah Alam  
Tel: 03-55103468 / 3472. Faks: 03-55103455  
Laman Web <http://www.e-mesra.org.my>

**PUSAT TUISYEN RAKYAT**  
Unit Pendidikan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia,  
Tingkat 3, Bangunan Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah,  
40000 Shah Alam, Selangor  
TEL: 03-5544 7480/ 7481/ 7482/ 7543  
FAKS: 03-5510 4095/ 5513 5564/ 5544 7391  
Blog <http://tuisyenrakyat.blogspot.com>

## Tempat Selangor Kini boleh diperolehi



- Pejabat Adun Pakatan Rakyat
- Pejabat Penyelaras DUN
- Majlis Semasa Solat Jumaat
- Pejabat Penghulu
- Pusat Khidmat Wakil Rakyat Pakatan
- Surau-surau Terpilih



**Hartanah  
Hakmilik Kekal  
& Hampir  
Menerima CF**

**Unit-unit  
Pemilik Tanah  
untuk Dijual Kepada  
Bumiputra**



**Rumah Teres 2 Tingkat**  
Dari **RM520,000**



**Rumah Berkembar**  
Dari **RM968,500**



**Rumah Teres 2 1/2 Tingkat**  
Dari **RM715,000**

**Berminat, sila hubungi  
03-6189 3521**

**PEMBINAAN SEBATO SDN BHD (106888-W)**  
No. 52B, JALAN SG 1/5, TAMAN SRI GOMBAK  
68100 BATU CAVES, SELANGOR DARUL EHSAN, MALAYSIA.  
TEL: 03-6189 3521/3/4/6 FAX: 03-6185 3543/6188 3315

# RM105,000 baiki rumah rosak akibat banjir

**SHAH ALAM** - Kerajaan negeri mengenal pasti 11 buah rumah yang rosak teruk dalam kejadian banjir di Kampung Lembah Jaya Utara, Ampang pada 7 Mac lalu, dengan kos kasar membaiki dianggarkan sebanyak RM105,000.

Rumah-rumah ini dicadangkan untuk diperbaiki oleh Adun Lembah Jaya, Khasim Abdul Aziz. Kesemua rumah ini dimiliki penduduk tempatan bukan berstatus penyewa.

"Setiap pemilik rumah ini akan menerima bantuan antara RM1,500 sehingga RM30,000 bergantung kepada tahap kerosakan. Terdapat sebuah rumah yang mengalami kerosakan teruk dan kerajaan negeri bercadang menggantikan rumah baru di bawah Program Kerajaan Prihatin," menurut kenyataan media yang dikeluarkan Sekretariat Akhbar Pejabat Menteri Besar Selangor.

Kebanyakan rumah-rumah ini mengalami kerosakan pada dinding, dapur dan siling yang perlu dibaiki untuk membolehkan pemiliknya menduduki semula rumah mereka.

Dalam pada itu, Menteri Besar, Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengumumkan bantuan wang tunai kepada mangsa banjir ditambah kepada RM1,000 setiap keluarga bagi meringankan beban yang ditanggung mangsa.

Beliau membuat pengumuman itu pada sidang akhbar selepas

Majlis Perasmian Pembukaan Mesyuarat Pertama Penggal Kelima Dewan Negeri Selangor (DNS) oleh DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah.

Beliau berkata, kerajaan negeri sangat prihatin dengan beban yang ditanggung mangsa banjir dan langkah segera akan diambil untuk mengelak kejadian sama berulang, termasuk menyegerakan kerja-kerja mendalamkan sungai.

Pertubuhan Misi Bantuan Kemanusiaan Selangor (Pantas) yang diketuai Exco negeri, Rodziah Ismail juga mengadakan program gotong-royong membersihkan rumah penduduk pada 17 dan 18 Mac baru-baru ini.

Anggota sukarelawan Pantas seramai 80 orang membantu mangsa banjir membersihkan peralatan rumah yang ditenggelami air, membersihkan sampah-sarap dan longkang yang dipenuhi lumpur, membersihkan surau selain memberi bantuan pakaian dan makanan.

Kerajaan negeri juga memperuntukkan sejumlah dana bagi



membaiki prasarana seperti jambatan dan jalan raya yang rosak di kawasan terbabit.

Kerja-kerja baik pulih tersebut dijangka mengambil masa sebulan dan akan dimulakan dalam waktu terdekat melalui peruntukan geran Selangorku.

Beliau berkata, usaha membaiki pulih itu akan dilakukan oleh syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC) yang mempunyai kepakaran dari segi pembinaan dan khidmat teknikal.

**Kerajaan negeri juga memperuntukkan sejumlah dana bagi membaiki prasarana seperti jambatan dan jalan raya yang rosak di kawasan terbabit. Kerja-kerja baik pulih tersebut dijangka mengambil masa sebulan dan akan dimulakan dalam waktu terdekat melalui peruntukan geran Selangorku**



Banyak harta benda yang musnah akibat banjir

dari muka belakang

## MB halang gadai tanah rizab Melayu

"Beta percaya Menteri Besar, Kerajaan Negeri Selangor dan semua kakitangan kerajaan yang terlibat dalam urusan tanah sentiasa berwasapada mempertahankan tanah rizab Melayu dengan memastikan tidak ada yang bertukar status," titah baginda.


Pada September tahun lalu, Selangor Kini melaporkan cubaan Umno Puchong yang dikepalai Ketua Pembangkang Dewan Negeri Selangor, Datuk Satim Diman untuk menjual sebidang tanah rizab Melayu di Puchong.

Tanah yang bakal dijual kepada

syarikat Lagi Gmilang Development Sdn Bhd, yang 75 peratus dimiliki bukan bumiputra, dihalang oleh Abdul Khalid.

Permohonan penjualan itu dibuat kepada pejabat Pengarah Tanah dan Galian Selangor pada tahun 2010.

WAKTU SOLAT SELANGOR 23 - 30 MAC 30 RABIULAKHIR - 7 JAMADILAWAL 1433							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Jumaat	5:51	6:01	7:17	1:23	4:26	7:25	8:34
24 Sabtu	5:51	6:01	7:16	1:22	4:25	7:25	8:34
25 Ahad	5:50	6:00	7:16	1:22	4:24	7:25	8:34
26 Isnin	5:50	6:00	7:16	1:22	4:23	7:25	8:34
27 Selasa	5:49	5:59	7:15	1:21	4:22	7:24	8:33
28 Rabu	5:49	5:59	7:15	1:21	4:21	7:24	8:33
29 Kamis	5:48	5:58	7:14	1:21	4:20	7:24	8:33
30 Jumaat	5:48	5:58	7:14	1:20	4:20	7:24	8:33
Sabak Bernam, Kuala Selangor, Klang, Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
23 Jumaat	5:53	6:03	7:19	1:25	4:28	7:27	8:36
24 Sabtu	5:53	6:03	7:18	1:24	4:27	7:27	8:36
25 Ahad	5:52	6:02	7:18	1:24	4:26	7:27	8:36
26 Isnin	5:52	6:02	7:18	1:24	4:25	7:27	8:36
27 Selasa	5:51	6:01	7:17	1:23	4:24	7:26	8:35
28 Rabu	5:51	6:01	7:17	1:23	4:23	7:26	8:35
29 Kamis	5:50	6:00	7:16	1:23	4:22	7:26	8:35
30 Jumaat	5:50	6:00	7:16	1:22	4:22	7:26	8:35



## Kerajaan negeri patuh titah Sultan pertahan rizab Melayu

SHAH ALAM - Menjunjung titah DYMM Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, Menteri Besar Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim, berjanji untuk memelihara tanah rizab Melayu daripada dijual atau dibangunkan.

Ketetapan tersebut juga merupakan susulan daripada tindakan Kerajaan Pakatan Rakyat (PR) Selangor untuk menghalang penjualan tanah rizab Melayu oleh Umno Bahagian Puchong tahun lalu.

Abdul Khalid berkata, pentadbiran PR akan sentiasa memantau tanah-tanah tersebut melalui pangkalan data bagi memastikan bahawa ia tidak dibangunkan atau dijual.

"Kerajaan negeri memang ambil perhatian dan pantau supaya kita buat secara tertib."

"GLC (syarikat berkaitan kerajaan) juga sangat penting untuk membantu kerajaan negeri dan mereka diingatkan supaya jangan pakai rizab Melayu," Abdul Khalid berkata selepas upacara perasmian pembukaan Dewan Negeri Selangor (DNS) di sini.

Dalam titah ucapannya, Sultan Selangor mengingatkan kerajaan negeri supaya memastikan pemilikan tanah rizab Melayu di Selangor tidak ditukarkan kepada individu atau syarikat bukan Melayu.

[Lihat muka 15](#)



**PRIHATIN...** Exco Selangor, Rodziah Ismail turun padang bertanya khabar dan menyampaikan bantuan kerajaan negeri kepada salah seorang mangsa banjir, Hajah Chit Mad Nor di pusat pemindahan Surau Ampang Jaya, Ampang

**Karnival 'TERIMA KASIH' Rakyat**

欢迎出席民联感恩嘉年华会  
மக்கள் கூட்டுறவின் "நான்றி" நல்லையும் கலைப்பிராவுக்கு அன்றையும் அழைக்கிறோம்

Tarikh: 25 Mac 2012 (Ahad) Masa: 7pg - 12mim  
Tempat: Stadium Kuala Selangor

Peluang memenangi pelbagai hadiah hebat  
• 1 X Motosikal • 5 X iPad • 5 X Samsung S2  
• 1,000 Hadiah Untuk Yang Datang Awal • 30,000 Beg Ole-ole bagi Pengunjung  
• Hadiah-hadiah Lain untuk Peserta Pertandingan

Serta  
• Pelbagai Gerai Jualan  
• Kupon PERCUMA

24 Mac 2012 (Sabtu)  
Malam Karaoke Rakyat  
(dengan hadiah-hadiah hebat)

**Semua dialu-alukan**

Antara program menarik:  
• pertunjukan kereta • motor drift • senamrobik • persembahan tarian pelbagai kaum • tarian singa • pertandingan futsal • demo memasak • gubahan bunga • permainan tradisional • pertandingan mewarna (kanak-kanak) • seni mempertahankan diri • acara berkuda • petting zoo • badut • water ball • cabutan bertuah • ceramah

**selangorku**



Pakatan Rakyat  
dalam Pentadbiran  
Negeri Selangor



# Terima Kasih ATAS KEPERCAYAAN ANDA



Menteri Besar Selangor

Mac 08, 2012

Genaplah 4 tahun Pakatan Rakyat diberi amanah oleh rakyat Negeri Selangor untuk mentadbir urus Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

## Merakyatkan Ekonomi Selangor

Dalam usaha untuk merapatkan jurang pendapatan di antara rakyat bandar dengan rakyat luar bandar, tanpa mengira kaum, agama dan budaya, latar belakang dan kefahaman kepartian, Pakatan Rakyat berjaya memperkenalkan pelbagai bantuan melalui agenda 'Merakyatkan Ekonomi Selangor' (MES)

Demi kemakmuran dan kesejahteraan hidup rakyat, Kerajaan Pakatan Rakyat Negeri Selangor akan terus membawa perubahan dan reformasi

**Terima kasih sekali lagi**

Program MES	Jumlah Perbelanjaan (RM)
Bekalan Air Percuma	477,099,701
Skim Mesra Usia Emas	62,847,000
Tabung Pendidikan Anak-anak Pekerja Ladang	4,306,676
Hadiyah Anak Masuk Universiti	23,733,028
Tabung Warisan Anak Selangor	2,924,900
Skim Mikrokredit Bandar	3,422,000
Skim Mikrokredit Selangor	17,334,050
Skim Kesihatan Wanita	1,242,290



Oleh ARFA'EZA ABDUL AZIZ

**SELANGOR** menempuh perjalanan panjang sejak Pakatan Rakyat (PR) mengambil alih kerajaan negeri daripada BN pada 8 Mac 2008. Saya mendapat peluang untuk bersama kerajaan negeri ketika usianya hanya beberapa bulan dan perjalannya masih berterusan tanpa henti – saya duga ia tidak akan berhenti.

Tumpuan terhadap Selangor sebagai dunia kecil tidak pernah berhenti, terutamanya daripada Kerajaan Pusat. Kami diserang bertubi-tubi, dari pelbagai penjuru dan arah. Sama ada ia membabitkan isu politik, hubungan negeri - Pusat, malah juga agama.

Terdapat beberapa peristiwa yang tidak boleh dilupakan: Protes kepala lembu (maaf Datuk Shahrizat, anda bukan orang pertama yang diserang oleh ‘cowgate’), isu air, kuil, penjualan arak di kedai kemudahan ramai, pelantikan setiausaha kerajaan negeri, pelombongan pasir dan pentadbiran Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) adalah segelintir daripadanya.

Di sebalik perjalanan berlalu ini, setiap keputusan, setiap inisiatif dan setiap polisi yang kami lakukan, dilaksanakan dengan satu matlamat di fikiran: Reformasi.

Ketika pihak lain berpaut sepenuhnya dengan slogan memukau atau bajet besar-besaran bagi melaungkan polisi mereka, Selangor di bawah Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim mengambil si-kap sederhana, tetapi dengan prinsip tegas – tindakan mengatasi kata-kata.

Dari segi kewangan dan pekerjaan, butiran angka mem-

buktikan segala-galanya. Ketika PR mengambil alih pada Mac 2008, ia bermula dengan RM733.64 juta simpanan tunai. Menerusi pengurusan yang berhemah, kerajaan negeri dapat meningkatkan simpanannya kepada RM 1154.37 juta pada Oktober 2011 (*lihat jadual 1*).

Laporan terakhir sebelum audit menunjukkan simpanan tunai ini terus meningkat sebanyak RM1.6 bilion pada Februari 2012. Simpanan tunai ini menjadi asas kukuh bagi menghadapi sebarang kecemasan, dan memainkan peranan utama bagi menarik keyakinan pelabur.

Fakta dan angka ini menunjukkan betapa citra reformasi menjadi realiti.

Dalam setiap perbelanjaannya, Selangor amat mendahului dan mengutamakan budaya cermat bagi memastikan setiap sen daripada setiap peruntukan ini terlepas daripada mana-mana orang tengah dan sampai terus kepada rakyat.



Jadual Satu

Jumlah Simpanan Negeri	2005	2006	2007	2008	2009	2010	31 Okt 2011
Simpanan Tunai (RM juta)	415.63	570.54	776.44	733.64	617.2	918.27	1154.37
Simpanan Negeri yang Disatukan (RM juta)	420.46	492.99	624.86	673.97	608.01	732.25	894.34

# Reformasi di Selangor



Pelancaran logo 'Selangorku' sebagai simbol kerajaan negeri oleh Menteri Besar

**Jika GLC negeri terlalu dungu hingga melanggar undang-undang maka kerajaan negeri akan menghukumnya, sama seperti kerajaan negeri yang akan menghukum mana-mana syarikat persendirian. Kami tidak boleh memilih bulu**

**'Menteri yang lokek'**

Saya masih ingat perbualan antara Menteri Besar dan pengusaha supermarket semasa diskusi program 'Jom Shopping', di mana baucar RM100 diberikan kepada golongan tua di bawah inisiatif kerajaan negeri untuk 'Warga Usia Emas'.

Seorang pengusaha supermarket menyatakan, ada parti politik lain yang turut menghubungi mereka bagi melakukan program yang serupa; bagaimanapun bezanya ialah, di bawah cadangan mereka, kos pemberian baucar RM100 ini digandakan nilainya. Ini bererti RM200 perlu dibayar bagi setiap baucar berharga RM100.

Ini adalah contoh paling tepat tentang rasuah dan ketirisian yang kerajaan Selangor kini bekerja keras untuk menghampuskannya. Seperti yang pernah dikatakan oleh Menteri Besar: "Ya, saya akui saya lokek. Saya terpaksa kerana ini bukan wang saya untuk dibelanjakan. Ini wang rakyat!"

Prinsip kami dalam reformasi juga dikenakan dengan ketat ke atas syarikat berkaitan kera-

jaan (GLC), yang turut menerima pengawasan ketat di bawah 'menteri yang lokek.'

Sekjak dari awal pentadbirannya, kerajaan negeri telah mengumumkan penamatkan serta merta 'kerjasama' (JV) berat sebelah yang ternyata mengejutkan dana negeri bagi menyuarap 'pihak-pihak yang berkepentingan'.

Era JV yang 'menguntungkan syarikat dan merugikan masyarakat' sudah berlalu. GLC negeri kini tertakluk kepada standard dan amalan terbaik pengurusan korporat – suatu bidang yang Menteri Besar sendiri memiliki pengalaman terbilang. Teras bagi standard ini adalah prinsip ketelusan dan keber tanggungjawaban serta pengurusan kewangan yang cermat.

Perbadanan Kemajuan Pertanian Selangor (PKPS) adalah salah satu contoh. Syarikat ini mengalami kerugian sejak penubuhannya, tetapi akhirnya pada tahun lepas mereka mengumumkan keuntungan RM1.8 juta dan kini sudah pulih dengan simpanan RM20 juta.

Contoh lain adalah Yayasan Selangor yang mengumumkan simpanan RM50 juta, pencapaian dua kali ganda sejak 2007.



# TAHUN Pentadbiran Pakatan Rakyat Negeri Selangor

EDISI KHAS

**Kita harus lakukan perkara ini dengan cara yang betul. Jika kita lakukan dengan betul, tidak ada apa-apa yang perlu kita takutkan. Jadi, lakukanlah!**

Kami terkejut apabila mendapati di bawah pengurusan terdahulu, Yayasan Selangor tidak pernah menyimpan akaun dan laporan kewangan yang betul. Pada 2010, ia akhirnya menge luarkan laporan kewangan bagi tahun 2005, 2006 dan 2007.

Sementara itu, mereka yang melanggar undang-undang telah dikenal pasti dan dihukum. Kerajaan negeri baru-baru ini telah menyita sebidang tanah yang dimiliki oleh salah satu anak syarikatnya kerana gagal untuk menggunakan tanah itu selaras dengan status sebenar tanah tersebut.

Pendirian Menteri Besar dalam soal ini? "Jika GLC negeri terlalu dungu hingga melanggar undang-undang, maka kerajaan negeri akan menghukumnya, sama seperti kerajaan negeri yang akan menghukum mana-mana syarikat persendirian. Kami tidak boleh pilih bulu."

## Selangorku wadah bantu rakyat

Usaha untuk merefomasi GLC



**Sekolah vernakular yang dahulunya terabai turut mendapat peruntukan daripada kerajaan negeri**

negeri juga berjaya mendapatkan semula semua hutang sebanyak RM391 juta daripada Talam Corporation. Perolehan ini digunakan dengan segera demi manfaat sebenar rakyat dengan menjadikannya sebagai sumber geran Selangorku sebanyak RM300 juta, yang merangkumi 17 program yang difokuskan untuk membantu rakyat.

Antara program besar di bawah Selangorku adalah geran RM500 juta untuk infrastruktur, RM30 juta untuk pemerkasaan wanita, RM5 juta untuk pemerkasaan demokrasi dan RM30 juta untuk pembangunan kemahiran belia.

Menteri Besar mengumumkan dana-dana ini diperolehi daripada dividen yang dihasilkan oleh GLC negeri melalui Perbadanan Menteri Besar (MBI) dan anak-anak syarikatnya – yang mana kejayaan kewangannya boleh dikatakan amat bergantung kepada pentadbiran yang berkesan dan kejayaannya dalam menghapuskan barah rasa dalam urus niaga harian.

Dalam sektor pelaburan, kerajaan negeri berjaya mewujudkan suatu persekitaran yang kondusif untuk para usahawan melaksanakan perniagaan mereka melalui persekitaran yang bebas-birokrasi. Sekali lagi butiran angka membuktikannya: Pada 2010, kerajaan negeri me-

judkan suatu persekitaran yang kondusif untuk para usahawan melaksanakan perniagaan mereka melalui persekitaran yang bebas-birokrasi. Sekali lagi butiran angka membuktikannya: Pada 2010, kerajaan negeri me-



**Hasil perolehan daripada perlombongan pasir di Selangor disalurkan terus kepada rakyat melalui program MES**

jakan lebih daripada RM600 juta kepada lebih daripada 1.6 juta rakyat melalui pelbagai program di bawah program Me-rakyatkan Ekonomi Selangor (MES).

Keistimewaan MES terletak kepada pendekatannya yang

yang diberikan kuasa untuk melakukan siasatan awam dan memelihara pertanggungjawaban dalam bidang seperti pengurusan GLC.

Pada 1 April 2011, sidang dewan negeri Selangor meluluskan Enakmen Kebebasan Maklumat 2011 – yang pertama seumpamanya. Enakmen tersebut membuktikan komitmen terhadap pertanggungjawaban dan ketelusan ini bukan sekadar cakap-cakap kosong, sebaliknya bertujuan mematahkan cengkaman ahli-ahli politik ke atas maklumat yang sewajarnya boleh diakses oleh setiap rakyat.

Pada 2011, kerajaan negeri berjaya mengadakan pemilihan bagi tiga ketua kampung Cina sebagai satu usaha untuk mengangkat demokrasi. Pemilihan bagi ahli jawatankuasa masjid dan surau juga kini dilakukan melalui proses pengundian.

Rancangan untuk mengadakan pilihan raya majlis tempatan pada 2012 baru-baru ini kini menghadapi halangan perundungan dan teknikal, namun kerajaan negeri masih berusaha keras untuk mencari jalan bagi mengatasi rintangan tersebut.

Senarai apa yang telah dilakukan di Selangor sejak 2008 masih berterusan, namun pesanan pentingnya mudah – satu perkataan dan satu matlamat: Reformasi.

Perjalanan PR di Selangor masih jauh, tetapi kami pastinya terdorong dengan peningkatan ini, dan kami komited untuk melihat setiap reformasi hingga ke akhirnya. Seperti yang sering dikatakan Menteri Besar kepada pegawai-pegawaiannya:

"Kita harus lakukan perkara ini dengan cara yang betul. Jika kita lakukan dengan betul, tidak ada apa-apa yang perlu kita takutkan. Jadi, lakukanlah!"



**Jom Shopping merupakan agenda murni kerajaan negeri membalaik jasa golongan warga emas**

menyalurkan terus keuntungan daripada operasi negeri seperti perlombongan pasir kepada program kebajikan. Kita tidak boleh memikirkan cara yang lebih 'direct' untuk mengembalikan kekayaan negeri kepada rakyat, dan tanpa campur tangan orang tengah.

Dalam bidang pendidikan, sekolah vernakular yang dahulunya terabai – Sekolah Agama Rakyat (SRA), sekolah aliran Cina dan Tamil – mendapat peruntukan tahunan sebanyak RM16 juta. Jumlah ini menggambarkan komitmen mendalam dan berkekalan kami kepada pelaburan sumber yang pada akhirnya, akan menjadi pelaburan kami yang paling berharga – demi anak-anak kita.

Bagi memastikan ketelusan dan pemerkasaan demokrasi, Selangor merupakan kerajaan pertama yang mendedahkan secara online pengisytiharan aset oleh anggota-anggota eksekutif negeri.

Pada tahun pertama pentadbirannya, kami turut menubuhkan Jawatankuasa Pilihan Khas untuk Kecekapan dan Pertanggungjawaban atau SELCAT,



## REAKSI orang ramai

“Selama empat tahun banyak perubahan yang sudah dibuat dari segi kemudahan, infrastruktur dan peruntukan terhadap rakyat. Usaha kerajaan Selangor dalam melaksanakan gaji minimum dengan menetapkan RM1,500 sebagai gaji minimum permulaan dalam syarikat berkaitan kerajaan negeri (GLC), membuktikan kerajaan negeri prihatin kepada nasib rakyat, lebih-lebih lagi bagi golongan berpendapatan rendah.

Amran Mat Junoh, 33,  
Pemandu



“Saya berpuas hati dengan pentadbiran Kerajaan Pakatan Rakyat (PR), bukan hanya Program Merakyatkan Ekonomi (MES) untuk rakyat, tetapi juga program keagamaan diadakan dan dihadiri sendiri oleh Menteri Besar. Saya harap program-program sebegini dapat diteruskan secara berterusan dan dimanfaatkan dengan sebaik-baiknya oleh rakyat.

Shaharuddin Abdul Hamid, 44,  
Kakitangan Swasta

“Banyak yang sudah dilaksanakan. Antaranya, bekalan air percuma bagi 20 meter padu, yang mana ia secara tidak langsung dapat membantu golongan berpendapatan rendah seperti saya. Dari segi pemberian tender, kita dapat lihat banyak tender secara terbuka dikeluarkan bukannya tender yang hanya diberikan kepada kroni sahaja seperti yang dilakukan oleh pentadbiran kerajaan dahulu.”

Mohd Azrai Aziz, 33,  
Kakitangan Kerajaan

“Empat tahun Pakatan Rakyat memrintah negeri Selangor, telah menampakkan kejayaan gemilang di dalam membantu golongan miskin dan kurang berkemampuan di Selangor. Kejayaan ini jauh lebih besar berbanding Umno-BN yang memerintah lebih 50 tahun.

Loo Mei Fern, 24,  
Kakitangan Kerajaan



“Kerajaan negeri di bawah Pakatan Rakyat dilihat lebih berdaya saing dan mengutamakan kebijakan. Peluang harus diberikan kepada Pakatan Rakyat untuk mentadbir negeri bagi penggal akan datang kerana walaupun baru empat tahun, pelbagai usaha mempertingkatkan taraf hidup rakyat semakin banyak.”

N. Senthil Kumar, 25  
Kakitangan Kerajaan



Menteri Besar bersalaman dengan orang ramai, selepas selesai Majlis Mesra Rakyat di Hulu Langat

## Cara baru dekati rakyat menerusi dialog

Oleh NAZLI IBRAHIM

**Jadi, rakyat tak ada peluang menerangkan pendapat mereka kerana ada masanya maklumat yang dibawa tidak tepat atau tidak sampai**

**- ABDUL KHALID**  
Menteri Besar

rangka pendapat mereka kerada masaanya maklumat yang dibawa tidak tepat atau tidak sampai," katanya.

Menurutnya lagi, langkah mengadakan dialog bersama rakyat ini juga mula diikuti pemimpin BN.

"Ini adalah satu reformasi dari segi budaya pentadbiran negara, mereka sepatutnya sudah laksanakan dua puluh, tiga puluh tahun lalu," katanya lagi.

Ketika menjawab satu soalan dalam isu yang sama, beliau mengakui terdapat segelintir penduduk yang mengambil kesempatan dialog ini untuk melepaskan kemarahan dalam dialog yang diadakan.

Bagaimanapun menurut beliau, tindakan tersebut juga merupakan perkembangan yang sihat dalam hubungan antara rakyat dengan kerajaan negeri.

"Memanglah marah-marah itu peraka biasa, sebab macam mana mereka tak marah, kadang-kadang masalah yang dipendal tunggu berpuluhan-puluhan tahun untuk selesai.

"Tetapi mula-mula sahaja, bila mereka dah lepaskan perasaan, mereka mula sejuk semula dan kita dapat kerjasama baik dengan mereka dengan duduk berbincang untuk menyelesaikan masalah yang dihadapi."

"Dengan adanya dialog ini mereka dapat melepaskan perasaan. Itu juga sesuatu yang baik, kerana selepas itu mereka jadi lebih lega," ujarnya lagi.



Malaysia dialog, pemimpin berpeluang mendengar rintihan rakyat

# Tahniah

Kepada



## ULANGTAHUN KE-4 PENTADBIRAN BAHRU NEGERI SELANGOR DARUL EHSAN

Daripada

AHLI-AHLI PERBADANAN, LEMBAGA PENGARAH, KAKITANGAN & ANAK SYARIKAT



Y.A.B. TAN SRI DATO' SERI ABD KHALID IBRAHIM  
MENTERI BESAR SELANGOR

**Käsih PKNS**  
Inisiatif CSR Untuk Rakyat  
Kehidupan • Aman • Selesa • Indah • Harmoni

Rasional Käsih PKNS  
Akronim bagi Program CSR Käsih PKNS merupakan inisiatif dan keperihatinan PKNS terhadap rakyat di Negeri Selangor yang memerlukan bantuan bagi menikmati kehidupan yang selera dalam persekitaran yang harmoni. Käsih PKNS adalah wahana membantu rakyat manfaat daripada aktiviti dan program CSR yang disediakan.

Warna yang ceria dengan tipografi 'tulisan tangan' mencerminkan pendirian, komitmen dan tanggungjawab sosial PKNS untuk rakyat berbilang kaum.

PERBADANAN KEMAJUAN NEGERI SELANGOR  
Tingkat 2-9, Menara HPAIC, Laman Seri Business Park,  
No. 7, Persiaran Sukan, Seksyen 13, 40100 Shah Alam, Selangor  
Laman Web : [www.pkns.gov.my](http://www.pkns.gov.my)



# TAHANIAH





Pakatan Rakyat  
dalam Pentadbiran  
Negeri Selangor



daripada Ahli Lembaga Pemegang Amanah  
serta semua kakitangan Yayasan Warisan Anak Selangor (YAWAS)



YAYASAN WARISAN ANAK SELANGOR  
A1-11-2 & A1-11-3, Jln Multimedia 7/AH, Park City, I-City, 40000 Shah Alam, Selangor  
No Tel: 03-55218740 Faks: 03-55218742



# TAHANIAH



Pakatan Rakyat  
dalam Pentadbiran  
Negeri Selangor



daripada Ahli Lembaga Pengarah Dan Seluruh Warga Kerja



[www.tourismselangor.my](http://www.tourismselangor.my)

[info@tourismselangor.my](mailto:info@tourismselangor.my)

Tourism Selangor Sdn Bhd  
Lot P7, Jalan Indah 14/12 Seksyen 14, 40000 Shah Alam,  
Selangor Darul Ehsan



# Tahniah



4 Tahun  
Pentadbiran Negeri Selangor

Dari

Lembaga Pengarah, Pengurusan & Warga Kerja



Flagship of  
**Selangor**



# 4 TAHUN Pentadbiran Pakatan Rakyat Negeri Selangor

EDISI KHAS

"Terima kasih atas sokongan rakyat Selangor sepanjang empat tahun pentadbiran Pakatan Rakyat. Saya berharap sokongan padu ini akan terus meningkat agar kerajaan negeri akan dapat terus melaksanakan agenda-agendanya untuk membantu rakyat."



**ISKANDAR SAMAD** Exco Perumahan, Pengurusan Bangunan dan Setinggan

"Saya gembira dan bangga dengan pencapaian yang dicapai oleh Pakatan Rakyat sepanjang empat tahun ini. Walaupun kami menghadapi banyak masalah, namun semuanya berjaya diatasi hasil pentadbiran yang telus dan cekap. Saya berharap legasi kerajaan sebegini akan bawa perubahan yang lebih besar, bukan setakat di negeri ini, malah seluruh negara khasnya."



**TERESA KOK SUH KIM** Exco Pelaburan, Perindustrian dan Perdagangan

"Tempoh empat tahun ini walaupun singkat tapi cukup untuk buktikan bahawa Pakatan Rakyat berjaya membentuk satu kerajaan yang mantap dan berprestasi baik. Saya harap rakyat mempunyai jati diri yang teguh dan pemikiran yang matang dalam menilai kerajaan yang terbaik buat mereka."



**RODZIAH ISMAIL** Exco Kebajikan, Hal Ehwal Wanita, Sains Teknologi dan Inovasi

"Antara perubahan besar yang dibawa Pakatan Rakyat Selangor adalah 'mindset' pegawai-pegawai kerajaan yang kini mempunyai iltizam dan kesungguhan tinggi bekerja untuk rakyat. Kini sesuatu keputusan bukan di tangan ahli politik, sebaliknya dibuat melalui perbincangan bersama pegawai-pegawai kerajaan di peringkat akar umbi."



**DR. XAVIER JAYAKUMAR ARULANANDAM** Exco Kesihatan, Pekerja Ladang, Kemiskinan dan Kerajaan Prihatin

"Saya yakin rakyat Selangor sedang menikmati perubahan positif yang dibawa Pakatan Rakyat. Dengan pelbagai dasar yang menguntungkan, saya menyeru seluruh rakyat untuk terus memberi sokongan supaya kita semua dapat sama-sama berusaha menjadikan negeri ini sebuah negeri yang maju."



**EAN YONG HIAN WAH** Exco Pembangunan Kampung Baru dan Penyelesaian Kilang Haram

"Tahniah dan syabas kepada rakyat yang memberi mandat kepada Kerajaan Pakatan mentadbir dan alhamdulillah kita sudah berjaya buktikan dengan pentadbiran yang telus dan amanah serta berkebajikan. Dengan bajet berimbang yang diamalkan kerajaan negeri, diharapkan rakyat terus memberi kepercayaan kepada kerajaan untuk memacu pencapaian yang lebih gemilang."



**DR HALIMAH ALI** Exco Pendidikan, Pendidikan Tinggi dan Pembangunan Modal Insan

"Terima kasih kepada rakyat, khususnya belia yang dilihat kini semakin matang dalam menilai pencapaian sesebuah kerajaan. Dengan ini saya sangat berharap agar golongan belia dimartabatkan dan diperkuahkan jati dirinya dari segi agama, bangsa dan kebudayaan demi menjamin masa depan negara yang lebih cemerlang."



**DR AHMAD YUNUS HAIRI** Exco Adat Resam Melayu, Belia dan Sukan

"Selpas empat tahun, saya berasa gembira dan bangga kerana pelbagai rancangan pembangunan yang dirangka kerajaan negeri dapat dijalankan dengan lebih telus bagi membolehkan rakyat menikmati pelbagai faedah. Saya juga berharap Pakatan Rakyat akan terus diberi kepercayaan untuk terus berkhidmat di Selangor."



**RONNIE LIU TIAN KHIW** Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan

"Tentunya fokus utama adalah pemuliharaan alam sekitar. Ini lanjutan kejayaan daripada kempen kesedaran seperti 'Hari Tanpa Beg Plastik' dan pengurangan penggunaan styrofoam, botol plastik, pengitaran semula bateri dan lorong basikal. Sektor pelancongan akan dibangunkan di daerah-daerah terpilih. Kerajaan negeri akan berusaha menyelesaikan isu-isu tanah Orang Asal dan melaksanakan sepenuhnya Enakmen Kebebasan Maklumat."



**ELIZABETH WONG** Exco Pelancongan, Hal Ehwal Pengguna dan Alam Sekitar

"Empat tahun telah membuktikan banyak perkara, terbukti Pakatan Rakyat mampu melaksanakan perkara yang tidak pernah dirasai sebelum ini. Saya berharap lebih banyak program dan bentuk bantuan serta bimbingan dapat disalurkan bagi meningkatkan pendapatan petani melalui konsep pertanian moden, di samping kembali merancakkan industri kecil."



**DR YAAKOB SAPARI** Exco Permodenan Pertanian, Pengurusan Sumber Alam dan Pembangunan Usahawan

